




LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Jabatan/Agenzi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PAHANG

SIRI 1



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PAHANG

SIRI 1

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI	
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI	
Pengurusan Program Latihan Kemahiran PSDC	3
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI	
Pengurusan Peralatan Sukan Dan Peralatan Sokongan	16
Penganjuran Sukma XV 2012	
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR	
Pengurusan Skim Pinjaman Ternakan Ruminan	34
YAYASAN PAHANG	
Pengurusan Pinjaman Pendidikan	45
PENUTUP	61




KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Manakala perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Pahang.
2. Pada tahun 2014 Jabatan Audit Negara akan meneruskan pelaksanaan inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Antirasuah dengan mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang. Jabatan Audit Negara juga akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/Agensi Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2013 Siri 1 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepetimana dihasratkan oleh Kerajaan.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 3 Jabatan dan satu Agensi Kerajaan Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 11 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.
5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
27 Januari 2014



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI - Pengurusan Program Latihan Kemahiran PSDC

1.1. Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang atau *Pahang Skills Development Centre* (PSDC) merupakan salah satu daripada 12 buah Pusat Pembangunan Kemahiran telah diwujudkan di seluruh negara. PSDC adalah hasil kerjasama antara Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan syarikat swasta. Ia diwujudkan bertujuan untuk melatih pekerja industri dan sektor awam, para belia, lepasan SPM/SPMV dan juga graduan Diploma/Ijazah dalam bidang kemahiran sebelum mencebur alam pekerjaan. PSDC menjalankan 2 Program latihan iaitu Program Peningkatan Latihan Kemahiran Industri Siswazah (INSEP) dan Program Transformasi Tenaga Kerja Teknikal (WTTP) yang dibiayai sepenuhnya oleh pihak Kerajaan. Geran Persekutuan disalurkan melalui Kementerian Kewangan kepada Kerajaan Negeri yang dikawal selia oleh Bahagian Perancang Ekonomi Negeri. Peruntukan tersebut disalurkan ke dalam Akaun Amanah Pembiayaan Program-program Latihan Kemahiran Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang. Sejumlah RM41.35 juta peruntukan telah diluluskan dari tahun 2007 hingga 2010 dan sehingga akhir tahun 2013, kesemua peruntukan tersebut telah habis dibelanjakan. Bagaimanapun mulai tahun 2010, pengurusan kewangan Program INSEP dan WTTP dikendalikan oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia.

1.2. Pengauditan yang telah dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2013 mendapati pada keseluruhannya pengurusan program latihan kemahiran di PSDC adalah baik kerana:

- Sebanyak 116.19% pelatih INSEP telah berjaya dilatih berbanding jumlah yang disasarkan melibatkan seramai 1,471 pelatih berbanding 1,266 yang disasarkan dari tahun 2007 hingga 2012. Manakala bagi WTTP, sebanyak 125.52% pelatih telah berjaya dilatih melibatkan seramai 716 pelatih berbanding seramai 580 yang disasarkan untuk tempoh yang sama.
- PSDC berada pada kedudukan ke 3 terbaik antara 12 Pusat Pembangunan Kemahiran Negara dalam aspek kebolehpekerjaan bagi bekas pelatih Program INSEP manakala pada kedudukan ke 7 terbaik bagi Program WTTP.
- Sebanyak 83.17% pelatih INSEP dan 62% bagi Program WTTP telah berjaya memperoleh pekerjaan dalam masa 6 bulan selepas tamat mengikuti latihan di PSDC.

- Peruntukan yang diterima telah dibelanja dengan sepenuhnya sebagaimana dirancang.

1.3. PSDC mampu menjadi sebuah pusat latihan kemahiran yang terunggul dengan menawarkan lebih banyak kursus yang bersesuaian dengan kehendak pasaran pekerjaan semasa. Sehubungan itu, kelas, makmal dan tenaga pengajar yang mencukupi perlulah disediakan seiring dengan pertambahan ini. Bagaimanapun, usaha ini hanya akan dapat dicapai dengan adanya tambahan peruntukan sama ada daripada Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri.

2. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

- Pengurusan Aset Peralatan Sukan Dan Peralatan Sokongan Penganjuran SUKMA XV 2012

2.1. Penganjuran Sukan Malaysia XV, Pahang 2012 (SUKMA XV) dikelola dan dipantau oleh 3 Jawatankuasa Utama iaitu Jawatankuasa Induk, Jawatankuasa Pengelola dan Sekretariat SUKMA XV. Sehingga Disember 2012 sejumlah RM5.07 juta telah dibelanjakan bagi perolehan 6,563 unit aset peralatan sukan dan peralatan sokongan mengikut 24 jenis sukan yang dipertandingkan dan jawatankuasa yang terlibat dengan perolehan aset untuk mengendalikan SUKMA XV. Aset peralatan sukan dan peralatan sokongan yang dibeli bagi penganjuran SUKMA XV ini adalah terdiri daripada harta modal, aset hidup dan inventori seperti peralatan sukan, peralatan sokongan dan peralatan teknikal.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2013 mendapati secara keseluruhannya pengurusan aset peralatan sukan dan peralatan sokongan penganjuran SUKMA XV adalah kurang memuaskan walaupun penyelenggaraan rekod dan prosedur pembayaran telah dilaksanakan dengan teratur. Terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian bagi memastikan pengurusan aset peralatan sukan dan peralatan sokongan penganjuran SUKMA XV dapat diurus dengan lebih baik. Secara ringkasnya antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Harga perolehan yang berbeza bagi jenis peralatan yang sama.
- Kaedah penyimpanan peralatan yang kurang memuaskan.
- Peralatan yang dibeli tetapi tidak digunakan.
- Kehilangan aset peralatan sukan dan peralatan sokongan SUKMA XV.
- Kewujudan peralatan tidak dapat disahkan.
- Penyerahan peralatan lewat dibuat.

2.3. Bagi memastikan aset peralatan sukan dan peralatan sokongan bagi penganjuran SUKMA XV dapat diurus dengan cekap, teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan serta kerajaan mendapat *value for money* bagi kos yang dibelanjakan adalah disyorkan pihak berkaitan seperti Sekretariat SUKMA XV, Pejabat SUK dan agensi/Jabatan yang menerima peralatan SUKMA XV mengambil tindakan seperti berikut:

2.3.1. Perolehan peralatan sokongan hendaklah dibuat oleh satu jawatankuasa sahaja bagi semua jenis sukan supaya perolehan dapat dibuat daripada pembekal yang sesuai dengan harga yang lebih munasabah serta menguntungkan kerajaan.

2.3.2. Kaedah penyimpanan yang lebih teratur dan sempurna hendaklah diwujudkan oleh pihak yang menjaga peralatan SUKMA XV bagi memastikan aset kerajaan dijaga dengan sempurna serta mengelak daripada berlaku kehilangan dan kerosakan.

2.3.3. Pemantauan berterusan secara berkesan oleh pihak yang bertanggungjawab terhadap aset SUKMA XV hendaklah dijalankan bagi memastikan keutuhan aset kerajaan dan mengelak daripada berlakunya kehilangan aset yang boleh merugikan kerajaan.

2.3.4. Penyelenggaraan rekod aset hendaklah dibuat dengan teratur dan kemas kini bagi memastikan setiap perolehan aset telah direkodkan dengan betul mengikut jenis dan kategori aset.

2.3.5. Penyerahan aset SUKMA XV kepada jabatan/agensi yang ditetapkan atau kepada pihak yang memerlukan hendaklah dilaksanakan segera bagi memastikan status hak milik aset dan aset dapat disenggara dengan sempurna.

3. JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

- Pengurusan Skim Pinjaman Ternakan Ruminan

3.1. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang (Jabatan) merupakan agensi yang bertanggungjawab membangunkan industri ternakan di Negeri Pahang. Objektif Jabatan adalah untuk memperkasa dan mengekalkan status kesihatan haiwan yang diyakini lagi kondusif untuk industri haiwan dan memastikan kesihatan awam melalui kawalan penyakit zoonotik dan penghasilan makanan berasaskan haiwan yang bersih dan selamat. Selain itu, menggalakkan pengeluaran ternakan mapan dan industri tambah nilai. Ia juga meneroka, membangun, menggalakkan penggunaan teknologi dan sumber secara optimum dalam industri berasaskan haiwan serta menganjurkan amalan kebajikan haiwan dalam semua aspek pemeliharaan dan sistem pengeluaran. Bagi mencapai objektif Jabatan, pelbagai program telah diperkenalkan dan dilaksanakan. Antaranya adalah Skim Pinjaman Ternakan Ruminan (SPT) yang diperkenalkan pada tahun 2001. SPT menawarkan pinjaman ternakan haiwan seperti lembu, kambing, kerbau dan biri-biri yang terbahagi kepada 2 iaitu pinjaman baka dan induk.

3.2. SPT ini diwujudkan bagi meningkatkan kuantiti pengeluaran daging tempatan dan produktiviti ternakan melalui perkhidmatan veterinar proaktif, penyaluran sumber genetik ternakan bermutu dan penyusunan kawasan pemeliharaan ternakan. Selain itu, objektif SPT juga adalah untuk membangunkan usahawan dalam industri ternakan. Pada tahun 2011 dan 2012, sejumlah RM0.40 juta dan RM0.20 juta masing-masing telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri. Peruntukan tersebut telah dibelanjakan 100% untuk membeli ternakan iaitu 39 ekor lembu jantan, 309 ekor lembu betina, 6 ekor kambing jantan dan 50 ekor kambing betina bagi melaksanakan SPT. Manakala, pada tahun 2013, tiada peruntukan yang diterima oleh Jabatan. Bagi tahun 2011 hingga Mei 2013, SPT telah menerima permohonan daripada seramai 406 orang dan jumlah pemohon yang berjaya adalah seramai 65 orang. Bagi tahun 2001 hingga 2013, sejumlah RM7.57 juta telah dibelanjakan dan sehingga Mei 2013, baki tunggakan SPT adalah berjumlah RM4.20 juta dengan jumlah peserta seramai 379 orang.

3.3. Kajian Audit terhadap pengurusan Skim Pinjaman Ternakan telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003. Dalam laporan tersebut, pihak Audit telah melaporkan perancangan pengurusan SPT, kaedah perolehan dan pengagihan ternakan serta prestasi adalah memuaskan. Laporan tersebut juga membangkitkan beberapa kelemahan dalam pelaksanaan SPT ini seperti kelewatan pemilihan peserta, kelewatan penyediaan surat perjanjian dan masalah pengurusan ladang peserta individu yang harus diatasi.

3.4. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2013 mendapati pengurusan SPT adalah baik dari segi pengurusan permohonan peserta SPT di mana telah diuruskan dengan mematuhi syarat garis panduan yang ditetapkan dan perolehan ternakan telah mematuhi peraturan kewangan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan SPT seperti berikut:

- Penilaian terhadap pencapaian SPT tidak dilaksanakan walaupun SPT telah melebihi 10 tahun diperkenalkan.
- Prestasi pembayaran balik pinjaman kurang memuaskan dengan tunggakan RM4.20 juta sehingga Mei 2013.
- Pengagihan ternakan kepada peserta mengambil tempoh yang lama iaitu antara 101 hingga 231 hari.

3.5. Bagi mengatasi kelemahan dan mempertingkatkan keberkesanan pengurusan skim pinjaman ternakan ruminan, adalah disyorkan supaya Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

3.5.1. Membuat penilaian terhadap SPT bagi mengetahui hala tuju dan pencapaian sebenar SPT setelah lebih 10 tahun ia dilaksanakan.

3.5.2. Menyediakan jadual pemantauan untuk setiap daerah secara berkala dan usaha-usaha yang lebih agresif perlu dilakukan dalam mengutip tunggakan pinjaman peserta.

3.5.3. Mengkaji semula prosedur pengagihan ternakan kepada peserta supaya tidak mengambil tempoh yang lama agar peserta mendapat faedah dengan segera.

4. YAYASAN PAHANG

- Pengurusan Pinjaman Pendidikan

4.1. Yayasan Pahang (Yayasan) telah ditubuhkan pada tahun 1982 di bawah Enakmen Negeri Pahang No. 6 Tahun 1982 dan memulakan operasi pentadbirannya pada tahun 1983. Penubuhan Yayasan ini menggalas fungsi 3 badan/jabatan yang dahulunya bertanggungjawab dalam memberi bantuan pendidikan dan menjaga kebajikan anak Pahang iaitu Lembaga Biasiswa Pelajaran Tinggi Negeri Pahang, Jemaah Biasiswa Pelajaran Tinggi Ugama Islam Negeri Pahang dan Unit Kewangan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Misi utama penubuhan Yayasan adalah untuk meningkatkan kemajuan pendidikan, sukan, kebudayaan dan memperluaskan peluang mendapat pendidikan di kalangan anak Negeri Pahang dan warganegara Malaysia yang bermastautin di negeri ini. Pinjaman pendidikan diuruskan melalui Tabung Pendidikan Dan Kebajikan Yayasan Pahang (TAPEN) yang ditubuhkan pada pertengahan bulan Mac 1985 di bawah Seksyen 3 (b) dan (c) Enakmen Yayasan Pahang.

4.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga Oktober 2013 mendapati prestasi pemberian pinjaman pendidikan adalah baik dari segi perbelanjaan peruntukan pinjaman dan pencapaian sasaran bilangan peminjam. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan pinjaman pendidikan seperti berikut:

- Sistem Pinjaman Pendidikan tidak mampu memberi amaran peminjam yang perlu diambil tindakan, menjana laporan serta tidak menyatakan jumlah kos guaman dan mahkamah yang dikenakan serta jumlah pinjaman yang mendapat pengecualian bayaran di Penyata Bayaran Balik.
- Borang permohonan tidak dicap tarikh terima dan tidak lengkap.
- Kandungan Fail Peminjam tidak diselenggara dengan lengkap, teratur dan kemas kini.
- Perjanjian ditandatangani oleh pegawai selain Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pahang dan jumlah pinjaman tambahan tidak dikemas kini dalam Dokumen Perjanjian.
- Surat Tuntutan Bayaran Balik dan Surat Peringatan lewat dikeluarkan serta Surat Pengesahan Tamat Bayaran tidak dikeluarkan.

4.3. Bagi mempertingkatkan pengurusan pinjaman pendidikan, Yayasan Pahang disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

4.3.1. Memastikan sistem komputer berupaya menjana maklumat yang diperlukan oleh pihak pengurusan adalah boleh dipercayai, tepat dan terkini.

4.3.2. Memastikan kesemua dokumen pinjaman pendidikan diselenggara dengan lengkap, kemas kini dan teratur bagi memudahkan proses semakan dan pemantauan.

4.3.3. Meningkatkan pemantauan terhadap bayaran balik pinjaman di setiap peringkat dan mengambil tindakan tegas terhadap peminjam yang gagal melunaskan pinjaman.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

1. PENGURUSAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN PSDC

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Pusat Pembangunan Kemahiran telah diwujudkan di seluruh negara yang kesemuanya berjumlah sebanyak 12 buah. Ia bertujuan untuk melatih pekerja industri dan sektor awam, para belia, lepasan SPM/SPMV dan juga graduan Diploma/Ijazah dalam bidang kemahiran sebelum mencebur ke bidang pekerjaan. Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang atau *Pahang Skills Development Centre* (PSDC) salah satu daripadanya yang telah ditubuhkan pada tahun 1994. Ia beroperasi di Kawasan Perindustrian Semambu dengan keluasan 12 ekar. PSDC merupakan hasil kerjasama antara Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan syarikat swasta. Ia bertanggungjawab untuk meningkatkan kemahiran pekerja industri melalui Program Kursus Jangka Pendek, Program Tajaan dan juga Program Pendidikan. Di bawah Program Tajaan yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan, terdapat sebanyak 2 Program telah ditawarkan iaitu Program Peningkatan Latihan Kemahiran Industri Siswazah (INSEP) dan Program Transformasi Tenaga Kerja Teknikal (WTTP). Program INSEP merupakan latihan peningkatan kemahiran kepada siswazah menganggur dengan latar belakang teknikal dan ICT. Objektifnya adalah untuk menyediakan latihan kemahiran bagi memudahkan graduan mendapatkan pekerjaan. Fokus latihan ini adalah bagi melengkapkan para pelatih kepada bidang kemahiran bukan sahaja melibatkan aspek teknikal tetapi juga pengurusan seperti penyelenggaraan dan pengoperasian harian kilang. Manakala Program WTTP pula dikhaskan kepada belia dan lepasan SPM/SPMV. Objektifnya adalah untuk melatih lebih ramai tenaga kerja tempatan selari dengan keperluan industri dan seterusnya mengurangkan kadar pengangguran di kalangan belia.

1.1.2. Program INSEP dan WTTP ini dibiayai sepenuhnya melalui geran Persekutuan yang disalurkan melalui Kementerian Kewangan kepada Kerajaan Negeri yang dikawal selia oleh Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN). Peruntukan tersebut disalurkan ke dalam Akaun Amanah Pembiayaan Program-program Latihan Kemahiran Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang (Akaun Amanah PSDC). Peruntukan tersebut antaranya adalah bagi membayai Yuran Pengajian serta Elaun Sara Hidup pelatih antara RM500 hingga RM1,000 sebulan selama tempoh latihan bagi Program INSEP dan antara RM300 hingga RM500 bagi Program WTTP. PSDC akan menuntut bayaran yang telah dibuat berkaitan Program kepada BPEN. Sejumlah RM41.35 juta peruntukan telah diluluskan dari tahun 2007 hingga 2010 dan sehingga akhir tahun 2013, kesemua peruntukan tersebut telah habis dibelanjakan. Bagaimanapun mulai tahun 2010, pengurusan kewangan Program

INSEP dan WTTP dikendalikan oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia tanpa melibatkan BPEN.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada PSDC telah merancang dan melaksanakan Program latihan kemahiran dengan cekap bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

1.3. SKOP PENGAUDITAN DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi aspek pengurusan dan pelaksanaan program latihan kemahiran di PSDC bagi tempoh 2007 hingga 2013. Tumpuan pengauditan adalah terhadap 2 program yang diluluskan di bawah Pakej Tajaan iaitu Program INSEP dan WTTP. Pengauditan dijalankan di PSDC dan BPEN. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen, analisis terhadap data, temu bual dengan pegawai dan pelatih, lawatan ke bilik makmal dan kelas tempat pelatih menjalani kursus. Di samping itu, borang soal selidik juga turut diedar kepada pelatih bagi mendapatkan ulasan dan maklum balas berkaitan latihan kemahiran yang disediakan oleh PSDC.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2013 mendapati pada keseluruhannya pengurusan program latihan kemahiran di PSDC adalah baik kerana:

- Sebanyak 116.19% pelatih INSEP telah berjaya dilatih berbanding jumlah yang disasarkan melibatkan seramai 1,471 pelatih berbanding 1,266 yang disasarkan dari tahun 2007 hingga 2012. Manakala bagi WTTP, sebanyak 125.52% pelatih telah berjaya dilatih melibatkan seramai 716 pelatih berbanding seramai 580 yang disasarkan untuk tempoh yang sama.
- PSDC berada pada kedudukan ke 3 terbaik antara 12 Pusat Pembangunan Kemahiran Negara dalam aspek kebolehpekerjaan bagi bekas pelatih Program INSEP manakala pada kedudukan ke 7 terbaik bagi Program WTTP.
- Sebanyak 83.17% pelatih INSEP dan 62% bagi Program WTTP telah berjaya memperoleh pekerjaan dalam masa 6 bulan selepas tamat mengikuti latihan di PSDC.
- Peruntukan yang diterima telah dibelanja dengan sepenuhnya sebagaimana dirancang.

1.4.1. Prestasi PSDC

1.4.1.1. Antara fungsi utama penubuhan PSDC adalah bagi menyediakan peluang latihan kemahiran kepada pelatih yang layak sebagai penyediaan tenaga kerja yang kompeten di sektor industri. Golongan sasar Program INSEP adalah di kalangan graduan/pelajar yang telah menamatkan pengajian daripada institusi pengajian tinggi sama ada IPTA/IPTS/Pusat Latihan Kemahiran Tinggi dan juga bekas pelajar/graduan yang masih lagi menganggur yang berumur antara 18 hingga 30 tahun. Manakala bagi Program WTTP pula, golongan sasar adalah di kalangan pelajar lepasan SPM/SPMV serta belia yang telah menamatkan persekolahan di peringkat menengah yang masih tidak mempunyai pekerjaan yang berumur antara 18 hingga 30 tahun. Bilangan pelatih yang diambil untuk satu-satu kumpulan adalah antara 20 hingga 25 orang sahaja. Sehubungan itu, PSDC perlulah mewujudkan sebuah pusat latihan yang sesuai dan kondusif kepada pelatih. Program-program yang ditawarkan juga perlulah dapat memenuhi kehendak pasaran industri masa kini dan diiktiraf di samping menyediakan tenaga pengajar yang berkualiti.

1.4.1.2. Semakan Audit mendapati PSDC telah diwujudkan sejak tahun 1994 di kawasan seluas 12 ekar yang terletak di Kawasan Perindustrian Semambu. Sejak diwujudkan, PSDC telah berkembang sebagai sebuah institusi pengajian dan latihan yang berdaya maju seiring dengan perkembangan industri semasa. Pelbagai kemudahan dan kelengkapan disediakan seperti bangunan pentadbiran, makmal/kelas yang dilengkapi dengan peralatan terkini, perpustakaan, asrama pelatih, surau dan sebagainya. Segala kemudahan dan persekitaran yang kondusif ini telah menjadikan PSDC sebuah pusat latihan yang berpotensi untuk terus berkembang. Keadaan PSDC adalah seperti di **Gambar 1.1** hingga **Gambar 1.4**.

Gambar 1.1
Kawasan Persekutaran PSDC



Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Pahang
Lokasi: Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang
Tarikh: 2 Oktober 2013

Gambar 1.2
Blok Makmal



Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Pahang
Lokasi: Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang
Tarikh: 2 Oktober 2013

Gambar 1.3
Pelatih Sedang Menghadiri Kelas



Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Pahang
Lokasi: Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang
Tarikh: 2 Oktober 2013

Gambar 1.4
Makmal Robotik Dan Automasi
Dilengkapi Peralatan Terkini



Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Pahang
Lokasi: Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang
Tarikh: 2 Oktober 2013

1.4.1.3. Semakan Audit mendapati sehingga tahun 2013, PSDC telah menawarkan sebanyak 9 kursus dalam Program INSEP yang melibatkan graduan lulusan teknikal/kejuruteraan/sains, lulusan sains komputer/IT/grafik serta lulusan perniagaan/ pengurusan. Tempoh latihan setiap kursus adalah antara 6 hingga 11 bulan melibatkan antara 3 hingga 6 bulan pembelajaran di dalam kelas. Pelatih turut menjalani latihan praktikal berkaitan industri antara 3 hingga 6 bulan di syarikat swasta. Kursus yang ditawarkan telah mendapat pengiktirafan daripada badan yang bertauliah seperti *National Institute of Occupational Safety & Health (NIOSH)*, *Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE Assoc)*, Persatuan Fiber Optik Malaysia dan sebagainya. Pelatih yang telah berjaya menamatkan latihan akan diberikan sijil. Butiran Program INSEP yang ditawarkan, tempoh kursus dan badan yang mengiktiraf adalah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Program INSEP Yang Ditawarkan

Kursus	Tempoh Latihan (bulan)	Pengiktirafan
<i>Process Plant's Safety & Health (PSSH)</i>	4 Kelas, 4 Praktikal	<ul style="list-style-type: none"> <i>National Institute of Occupational Safety & Health (NIOSH)</i> <i>Zonesafety Technology Sdn Bhd</i> PSDC
<i>Process Instrumentation & Control Technology (PICT)</i>	6 Kelas, 4 Praktikal	<ul style="list-style-type: none"> <i>Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE Assoc)</i> PSDC
<i>Robotic & Automation (RO)</i>	3 Kelas, 3 Praktikal	<ul style="list-style-type: none"> <i>Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE Assoc)</i> PSDC
<i>Automotive Manufacturing & Operation Maintenance (AMOM)</i>	5 Kelas, 6 Praktikal	<ul style="list-style-type: none"> PSDC
<i>Wireless & Data Communication Technology (WDC)</i>	4 Kelas, 4 Praktikal	<ul style="list-style-type: none"> <i>Significant Technologies Sdn Bhd</i> PSDC
<i>Fiber Optic & Mobile Communication Technology (FO)</i>	4 Kelas, 4 Praktikal	<ul style="list-style-type: none"> Persatuan Fiber Optik Malaysia <i>Significant Technologies Sdn Bhd</i> <i>TM Niosh</i> PSDC

Kursus	Tempoh Latihan (bulan)	Pengiktirafan
Creative Content & Development Technology (CCDT)	7 Kelas, 3 Praktikal	<ul style="list-style-type: none"> Persatuan Animasi Malaysia (ANIMAS) PSDC
Application Developer (AD)	4 Kelas, 5 Praktikal	<ul style="list-style-type: none"> PSDC
Logistic & Supply Chain Management (LSCM)	3 Kelas, 3 Praktikal	<ul style="list-style-type: none"> Chartered Institute of Logistic & Transportation Malaysia (CILTM) PSDC

Sumber: Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang

1.4.1.4. PSDC juga telah menawarkan sebanyak 6 kursus dalam Program WTTP yang berkaitan dengan kemahiran bidang elektrik, instrumentasi perindustrian dan kawalan, sistem komputer, elektronik industri serta petrokimia. Tempoh latihan bagi setiap kursus adalah antara 8 hingga 12 bulan melibatkan antara 3 hingga 9 bulan pembelajaran di dalam kelas dan 2 hingga 6 bulan bagi latihan praktikal. Setiap pelatih yang menamatkan kursus akan menerima sijil yang diiktiraf seperti Sijil Kemahiran Malaysia Juruteknik Elektrik, Sijil Kemahiran Malaysia Pembantu Juruteknik Instrumentasi Perindustrian & Kawalan, Sijil Kemahiran Malaysia Juruteknik Sistem Komputer, Sijil Kemahiran Malaysia Juruteknik Elektronik Industri (Peralatan) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran. Butiran Program WTTP yang ditawarkan, tempoh kursus dan pengiktirafan persijilan adalah seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Program WTTP Yang Ditawarkan

Program	Tempoh Latihan (bulan)	Pengiktirafan Persijilan
Juruteknik Elektrikal/Electrical Technician (ET)	9 Kelas, 3 Praktikal	Sijil Kemahiran Malaysia Juruteknik Elektrik
Juruteknik Instrumentasi Perindustrian dan Kawalan/Industrial Instrumentation & Control Technician (IICT)	3 Kelas, 2 Praktikal	Sijil Kemahiran Malaysia Pembantu Juruteknik Instrumentasi Perindustrian & Kawalan
Juruteknik Sistem Komputer/Computer System Technician (IT)	8 Kelas, 4 Praktikal	Sijil Kemahiran Malaysia Juruteknik Sistem Komputer
Elektronik Industri/Industrial Electronics (IE)	9 Kelas, 3 Praktikal	Sijil Kemahiran Malaysia Juruteknik Elektronik Industri - Peralatan
Petrokimia/Petrochemical (PC)	4 Kelas, 2 Praktikal	Sijil Kemahiran Malaysia
Juruteknik Elektrik Kanan/Senior Electrical Technician (SET)	9 Kelas, 3 Praktikal	Sijil Kemahiran Malaysia

Sumber: Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang

1.4.1.5. PSDC telah mensasarkan seramai 1,266 pelatih bagi mengikuti Program INSEP dari tahun 2007 hingga 2012 dan seramai 580 pelatih WTTP untuk tempoh yang sama. Sasaran tersebut adalah berdasarkan kepada jumlah peruntukan yang diterima melalui Akaun Amanah PSDC pada tahun 2007, 2009 dan 2010 berjumlah RM41.35 juta. Semakan Audit mendapati PSDC telah berjaya melatih bilangan pelatih melebihi sasaran.

Dari tahun 2007 hingga 2012, seramai 1,471 pelatih Program INSEP telah berjaya dikeluarkan yang menunjukkan pencapaian sebanyak 116.19%. Manakala bagi Program WTTP pula seramai 728 pelatih yang menunjukkan pencapaian sebanyak 125.52%. Butiran bilangan pelatih yang telah dikeluarkan berbanding yang disasarkan adalah seperti di **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3

**Bilangan Pelatih INSEP dan WTTP Yang Disasar Dan Dikeluarkan
Dari Tahun 2007 Hingga 2012**

Tahun Peruntukan	Bilangan Pelatih INSEP			Bilangan Pelatih WTTP			Tahun Kursus
	Rancang	Laksana	%	Rancang	Laksana	%	
2007	620	598	96.45	300	296	98.67	2007 - 2010
2009	346	359	103.75	200	214	107.00	2009 & 2010
2010	300	514	171.33	80	218	272.50	2010 - 2012
Jumlah	1,266	1,471	116.19	580	728	125.52	

Sumber: Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang

Nota: - Peruntukan daripada PSDC


- Peruntukan tidak diterima pada tahun 2008

1.4.1.6. PSDC telah mengambil pelatih lepasan Diploma dan Ijazah bagi mengikuti Program INSEP manakala pelatih lepasan SPM/SPMV bagi mengikuti Program WTTP sebagaimana ditetapkan. Seramai 1,832 orang pelatih INSEP telah dan sedang mengikuti latihan di PSDC dari tahun 2007 hingga 2013 yang secara purata seramai 261 orang setahun. Manakala seramai 719 orang bagi pelatih WTTP untuk tempoh yang sama yang secara purata seramai 103 orang setahun. Bilangan pelatih yang mengikuti setiap Program adalah antara 13 dan 36 orang. Pengambilan bilangan pelatih yang melebihi 25 orang bagi setiap kumpulan sebagaimana ditetapkan adalah bagi menampung kekurangan bilangan pelatih untuk kumpulan-kumpulan sebelumnya. Ini bertujuan bagi memastikan peruntukan yang diterima dapat digunakan secara optimum. Bilangan pelatih INSEP dan WTTP dari tahun 2007 hingga 2013 ditunjukkan adalah seperti di **Carta 1.1**.

Carta 1.1


Bilangan Pelatih INSEP Dan WTTP Dari Tahun 2007 Hingga 2013

Bil. Pelatih



Sumber: Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang

1.4.1.7. Sebanyak 9 kursus telah ditawarkan di bawah Program INSEP meliputi bidang teknikal/kejuruteraan/sains, sains komputer/IT/grafik dan juga bidang perniagaan/pengurusan. Tawaran adalah kepada graduan yang memiliki Diploma ataupun Ijazah. Semakan Audit mendapati kursus yang paling menjadi keutamaan PSDC dalam pengambilan pelatih adalah *Process Plant's Safety and Health* (PPSH). Keutamaan terhadap kursus ini adalah kerana ia seiring dengan permintaan dan kehendak pasaran pekerjaan masa kini. Bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan merupakan elemen yang sangat penting dan diwajibkan dalam sektor industri. Didapati daripada 1,832 pelatih yang telah dan sedang mengikuti kursus di PSDC dari tahun 2007 hingga 2013, seramai 570 orang atau 31.11% merupakan pelatih daripada kursus ini. Butiran bilangan pelatih yang mengikut Program INSEP dari tahun 2007 hingga 2013 adalah seperti di **Carta 1.2**.



Sumber: Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang


Nota:

AD - Application Developer
 PICT - Process Instrumentation and Control Technology
 PPSH - Process Plant's Safety and Health
 FO - Fiber Optic & Mobile Communication Technology
 WDC - Wireless & Data Communication

AMOM - Automotive Manufacturing & Operation Maintenance
 ROA - Robotic & Automation
 CCDT - Creative Content & Development Technology
 LSCM - Logistic & Supply Chain Management

1.4.1.8. Sementara itu, sebanyak 6 kursus telah ditawarkan di bawah Program WTTP yang berkaitan dengan kemahiran dalam bidang elektrik, instrumentasi perindustrian dan kawalan, sistem komputer, elektronik industri serta petrokimia. Pengambilan pelatih adalah daripada golongan belia dan lepasan SPM/SPMV. Semakan Audit mendapati kursus yang paling ramai diikuti adalah Juruteknik Elektrik Tahap 1 & 2 iaitu seramai 249 orang atau 34.63% daripada seramai 719 pelatih yang telah mengikuti kursus ini dari tahun 2007 hingga 2013. Butiran bilangan pelatih yang mengikut Program WTTP dari tahun 2007 hingga 2013 adalah seperti di **Carta 1.3**.

Carta 1.3
Bilangan Pelatih Yang Mengikuti Program WTTP Dari Tahun 2007 Hingga 2013



Sumber: Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang

Nota:

ET - Juruteknik Elektrikal/ <i>Electrical Technician</i>	SET - Juruteknik Elektrik Kanan/ <i>Senior Electrical Technician</i>
IT - Juruteknik Sistem Komputer/ <i>Computer System Technician</i>	IICT - Juruteknik Instrumentasi Perindustrian dan Kawalan/ <i>Industrial Instrumentation & Control Technician</i>
PC - Petrokimia/Petrochemical	
IE - Elektronik Industri/ <i>Industrial Electronics</i>	

1.4.1.9. Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia ada mengeluarkan Laporan Kebolehpekerjaan Pelaksanaan Program WTTP Dan INSEP pada setiap 6 bulan. Ia melaporkan status kebolehpekerjaan bekas pelatih bagi 12 (PPKN) yang ada di seluruh Malaysia. Semakan Audit terhadap laporan pelatih yang mendaftar pada tahun 2011 telah dibuat kerana kesemua peserta kursus telah menamatkan latihan mereka. Didapati PSDC berada pada kedudukan ke 7 terbaik bagi Program WTTP dengan peratusan kebolehpekerjaan adalah sebanyak 79.27%. Baki sebanyak 20.73% adalah merupakan bilangan pelatih sama ada telah memperoleh pekerjaan ataupun telah melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi sebelum menamatkan kursus. Manakala bagi Program INSEP pula, PSDC berada pada kedudukan ke 3 terbaik dengan peratusan kebolehpekerjaan sebanyak 92.48%. Butiran status kebolehpekerjaan bekas pelatih bagi tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 1.4**.

Jadual 1.4
Perbandingan Antara PPKN Status Kebolehpekerjaan Bekas Pelatih Program WTTP Dan INSEP Bagi Tahun 2011

Bil.	Nama PPKN	Negeri	WTTP			INSEP		
			Bilangan Pelatih	Bilangan Pekerja	Bekerja (%)	Bilangan Pelatih	Bilangan Pekerja	Bekerja (%)
1.	PUSPATRI	Johor	135	135	100.00	269	269	100.00
2.	SHRDC	Selangor	19	18	94.74	346	340	98.27
3.	PESDC	Perak	221	206	93.21	-	-	0.00
4.	SSTC	Sabah	164	141	85.98	443	377	85.10
5.	NSSDC	Negeri Sembilan	168	141	83.93	254	204	80.31
6.	MISDC	Melaka	99	82	82.83	107	93	86.92
7.	PSDC	Pahang	82	65	79.27	266	246	92.48
8.	TESDEC	Terengganu	90	56	62.22	164	107	65.24
9.	KISMEC	Kedah	129	59	45.74	211	131	62.09
10.	PSDC (Penang)	Pulau Pinang	100	38	38.00	203	153	75.37
11.	PPKS	Sarawak	468	160	34.19	45	26	57.78
12.	TATI	Terengganu	83	0	0.00	101	61	60.4

Sumber: Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran

Pada pendapat Audit, prestasi PSDC adalah memuaskan kerana ia telah berjaya menjadi sebuah pusat latihan kemahiran yang berkualiti dan berpotensi untuk mengeluarkan lebih ramai pelatih berkemahiran pada masa akan datang. PSDC juga telah berjaya melatih peserta kursus melebihi sasaran yang ditetapkan.

1.4.2. Prestasi Pelatih

1.4.2.1. Permohonan untuk mengikuti Program INSEP ataupun WTTP boleh dibuat secara manual ataupun permohonan atas talian. Proses permohonan melibatkan proses temu duga, pemilihan dan pengeluaran surat tawaran kepada pemohon yang berjaya. Program INSEP ditawarkan kepada lepasan Diploma dan Ijazah. Tempoh latihan bagi setiap kursus adalah antara 6 hingga 11 bulan melibatkan antara 3 hingga 6 bulan pembelajaran di dalam kelas dan juga tempoh yang sama untuk latihan praktikal dengan syarikat swasta. Manakala Program WTTP pula ditawarkan kepada belia dan lepasan SPM/SPMV. Tempoh latihan bagi setiap kursus adalah antara 8 hingga 12 bulan melibatkan antara 3 hingga 9 bulan pembelajaran di dalam kelas dan 2 hingga 6 bulan bagi latihan praktikal. Pensijilan pelatih INSEP berdasarkan penamatan latihan dengan jayanya mengikut tempoh kursus yang diikuti dan juga melalui ujian *Pre Test* dan *Post Test* yang diadakan. Manakala bagi pelatih WTTP, pelatih akan dianugerahkan pensijilan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (SKM Tahap 1 & 2) setelah mereka lulus ujian yang diadakan. PSDC akan membuat pemantauan terhadap pelatih dengan menghantar laporan kemajuan dan impak kepada BPEN 3 bulan selepas pelatih menamatkan Program bertujuan bagi menilai prestasi mereka.

1.4.2.2. Pada bulan Julai 2013, PSDC telah menjalankan satu kajian pengesanan terhadap kebolehpekerjaan bekas pelatih Program INSEP dan WTP dalam masa 6 bulan selepas mereka tamat mengikuti latihan. Kajian dibuat terhadap pelatih yang mendaftar kemasukan dari tahun 2010 hingga 2012. Hasil kajian tersebut dan juga analisis pihak Audit mendapatkan perkara seperti berikut:

a. Program INSEP

- i. Seramai 217 pelatih telah mendaftar untuk mengikuti latihan dari tahun 2010 hingga 2012 melibatkan sebanyak 7 jenis kursus dan 11 kumpulan pelatih. Daripada jumlah tersebut, didapati seramai 202 pelatih telah berjaya menamatkan latihan mereka. Seramai 15 pelatih tidak dapat meneruskan latihan sama ada telah mendapat pekerjaan ataupun melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Daripada seramai 202 pelatih yang telah berjaya menamatkan latihan, didapati seramai 168 pelatih atau 83.17% telah berjaya memperoleh pekerjaan di dalam pelbagai sektor. Daripada bilangan tersebut, seramai 140 pelatih atau 69.31% telah bekerja dalam bidang teknikal bersesuaian dengan kursus yang diambil. Manakala seramai 28 pelatih atau 13.86% lagi bekerja dalam bidang yang tidak berkaitan dengan kursus seperti peniaga, pegawai kredit, kerani, eksekutif pentadbiran dan ejen insuran. Bagaimanapun, kerjaya pelatih adalah di luar bidang kuasa PSDC. Sementara itu, seramai 13 pelatih atau 6.44% telah melanjutkan pengajian selepas tamat latihan di PSDC manakala seramai 21 pelatih atau 10.40% lagi gagal dikesan. Butiran status kebolehpekerjaan bekas pelatih Program INSEP adalah seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5
Status Kebolehpekerjaan Bekas Pelatih Program INSEP Bagi Pendaftaran Masuk
Pada Tahun 2010 Hingga 2012

Bil.	Kursus	Tarikh Daftar	Bil. Daftar	Bil. Tamat	Status Pelatih				
					Bekerja			Sambung Belajar	Tidak Dapat Dikesan
					Teknikal	Bukan Teknikal	Jumlah		
1.	PPSH	7/2011	25	24	19	2	21	2	1
2.	PICT	11/2010	20	18	14	1	15	-	3
3.	AMOM	11/2010	20	19	10	2	12	4	3
4.	ROA	02/2011	20	20	10	2	12	4	4
5.	ROA	07/2011	16	12	11	-	11	1	-
6.	ROA	09/2011	20	20	15	1	16	-	4
7.	ROA	12/2011	17	16	9	3	12	2	2
8.	FO	12/2010	20	19	14	5	19	-	-
9.	WDC	01/2011	19	19	9	7	16	-	3
10.	WDC	06/2011	20	19	14	4	18	-	1
11.	CCDT	01/2011	20	16	15	1	16	-	-
Jumlah			217	202	140	28	168	13	21
Peratus (%)					69.31	13.86	83.17	6.44	10.40

Sumber: Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang dan Jabatan Audit Negara

- ii. Semakan lanjut mendapati ada di antara bekas pelatih Program INSEP telah berjaya dalam kerjaya masing-masing. Mereka sedang berkhidmat dengan syarikat ternama sama ada di dalam atau luar negara dengan memperoleh pendapatan lumayan. Sebagai contoh, seorang bekas pelatih daripada kursus *Fibre Optic & Mobile Communication Network Technology* telah memperoleh pekerjaan di syarikat Sony Ericsson, Khartoum Sudan sebagai *Installation Manager* dengan pendapatan sejumlah RM12,000 sebulan.

b. Program WTPP

Seramai 60 pelatih telah mendaftar untuk mengikuti latihan dari tahun 2010 hingga 2012 melibatkan sebanyak 2 jenis kursus iaitu Juruteknik Elektrikal dan Juruteknik Sistem Komputer melibatkan 3 kumpulan pelatih. Daripada jumlah tersebut, didapati seramai 50 pelatih telah berjaya menamatkan latihan mereka. Seramai 10 pelatih tidak dapat meneruskan latihan sama ada kerana telah mendapat pekerjaan ataupun berhenti daripada meneruskan latihan. Daripada seramai 50 pelatih yang telah berjaya menamatkan latihan, didapati seramai 31 pelatih atau 62% telah berjaya memperoleh pekerjaan di dalam pelbagai sektor. Daripada bilangan tersebut, seramai 23 pelatih atau 46% telah bekerja dalam bidang teknikal bersesuaian dengan kursus yang diambil. Manakala seramai 8 pelatih atau 16% lagi bekerja dalam bidang yang tidak berkaitan dengan kursus seperti eksekutif jualan, pengawal keselamatan, operator pengeluaran dan ada yang bekerja sendiri. Sementara itu, seramai 8 pelatih atau 16% telah melanjutkan pengajian selepas tamat latihan di PSDC manakala seramai 11 pelatih atau 22% lagi gagal dikesan. Butiran status kebolehpekerjaan bekas pelatih Program WTPP adalah seperti di **Jadual 1.6**.

Jadual 1.6
Status Kebolehpekerjaan Bekas Pelatih Program WTPP Bagi Pendaftaran Masuk
Pada Tahun 2010 Hingga 2012

Bil.	Kursus	Tarikh Daftar	Bil. Daftar	Bil. Tamat	Status Pelatih				
					Bekerja			Sambung Belajar	Tidak Dapat Dikesan
					Teknikal	Bukan Teknikal	Jumlah		
1.	ET	7/2011	17	15	7	4	11	2	2
2.	ET	11/2010	23	18	9	2	11	4	3
3.	IT	11/2010	20	17	7	2	9	2	6
Jumlah			60	50	23	8	31	8	11
Peratus (%)					46.0	16.0	62.0	16.0	22.0

Sumber: Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang dan Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, prestasi pelatih yang mengikuti latihan kemahiran di PSDC adalah memuaskan kerana lebih 80% pelatih Program INSEP dan lebih 60% pelatih Program WTPP telah berjaya memperoleh pekerjaan.

1.4.3. Pembiayaan Program INSEP Dan WTPP

1.4.3.1. Program INSEP dan WTPP dibiayai sepenuhnya oleh pihak Kerajaan. Kementerian Kewangan mengeluarkan geran Persekutuan yang disalurkan kepada Pejabat Kewangan Negeri yang dikawal selia oleh BPEN. Peruntukan tersebut kemudian disalurkan ke dalam Akaun Amanah PSDC. Peruntukan tersebut digunakan bagi membayar Elaun Sara Hidup kepada pelatih dan juga Yuran Pengajian. Elaun Sara Hidup dibayar mengikut peruntukan dan kursus iaitu Elaun INSEP antara RM500 hingga RM1,000 seorang bagi setiap bulan manakala Elaun WTPP antara RM300 hingga RM500.

1.4.3.2. Semakan Audit mendapati PSDC telah menerima peruntukan berjumlah RM41.35 juta di bawah Tabung Amanah PSDC dari tahun 2007 hingga 2010. Sehingga akhir tahun 2013, kesemua peruntukan tersebut telah habis dibelanjakan melibatkan pembayaran Elaun Sara Hidup kepada pelatih berjumlah RM9.89 juta, Yuran Pengajian berjumlah RM27.35 juta, pembelian peralatan makmal berjumlah RM4.04 juta serta mengadakan Program Kepimpinan dan Pengurusan Pelatih berjumlah RM0.07 juta. Kesemua pembayaran tersebut telah dilakukan antara tahun 2007 hingga 2013. Butiran peruntukan yang telah diterima dan dibelanjakan adalah seperti di **Jadual 1.7**.

Jadual 1.7
Peruntukan Diterima Dan Dibelanjakan Melalui Tabung Amanah
Dari Tahun 2007 Hingga 2013

Tahun	Peruntukan Diterima (RM Juta)	Perbelanjaan		
		Elaun Sara Hidup (RM Juta)	Yuran Pengajian (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
2007	21.23	1.68	5.36	7.04
2008	0.00	1.68	6.39	8.07
2009	11.64	2.21	4.23	6.44
2010	8.48	2.71	6.52	9.23
2011	0.00	1.45	4.32	5.77
2012	0.00	0.16	0.53	0.69
Jumlah	41.35	9.89	27.35	37.24
2009	Pembelian peralatan: <i>Automotion & Robotics</i>			4.00
2012	Program Kepimpinan & Pengurusan Pelatih			0.07
2013	Pembelian Peralatan: Komponen Komputer dan Perisian			0.04
Jumlah Besar	41.35	9.89	27.35	41.35

Sumber: Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang

1.4.3.3. Mulai tahun 2010, peruntukan dan pembayaran bagi Elaun Sara Hidup pelatih serta Yuran Pengajian adalah di bawah tanggungjawab Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran. PSDC hanya menyalurkan maklumat berkaitan kepada Perbadanan berkenaan setiap bulan dan pembayaran elau terus dimasukkan ke akaun bank pelatih.

Pada pendapat Audit, PSDC telah menggunakan peruntukan yang diterima dengan sangat baik bagi membayar Elaun Sara Hidup/Yuran Pengajian, membeli peralatan makmal serta mengadakan Program Kepimpinan.

1.5. SYOR AUDIT

Secara keseluruhan pengurusan Program latihan kemahiran di PSDC adalah baik. Pihak PSDC harus meneruskan usaha untuk menjadikannya sebuah pusat latihan kemahiran yang terunggul dengan menawarkan lebih banyak kursus yang bersesuaian dengan kehendak pasaran pekerjaan semasa. Sehubungan itu, kelas, makmal dan tenaga pengajar yang mencukupi perlulah disediakan seiring dengan pertambahan ini. Bagaimanapun, usaha ini hanya akan dapat dicapai dengan adanya tambahan peruntukan sama ada daripada Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

2. PENGURUSAN ASET PERALATAN SUKAN DAN PERALATAN SOKONGAN PENGANJURAN SUKMA XV 2012

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Penganjuran Sukan Malaysia XV, Pahang 2012 (SUKMA XV) dikelola dan dipantau oleh 3 Jawatankuasa Utama iaitu Jawatankuasa Induk, Jawatankuasa Pengelola dan Sekretariat. Jawatankuasa Induk bertanggungjawab memutuskan segala dasar yang berkaitan dengan penganjuran SUKMA XV. Jawatankuasa Pengelola pula merupakan Jawatankuasa kerja yang akan melaksanakan segala dasar yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk. Terdapat 26 jawatankuasa kecil di bawah Jawatankuasa ini dan kesemua jawatankuasa kecil ini mempunyai peranan dan fungsi masing-masing bagi memastikan SUKMA XV berjalan lancar. Sekretariat SUKMA XV adalah sebuah badan yang ditubuhkan bagi mengurus dan mentadbir semua urusan penganjuran SUKMA XV. Sekretariat juga berperanan dalam memantau dan menggerakkan perjalanan jawatankuasa kecil SUKMA XV, memantau penyediaan infrastruktur sukan yang akan dilaksanakan serta menyediakan anggaran perbelanjaan untuk mengendalikan SUKMA XV. Sekretariat SUKMA XV diterajui oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 33 orang kakitangan.

2.1.2. Sehingga Disember 2012 sejumlah RM5.07 juta telah dibelanjakan bagi perolehan 6,563 unit aset peralatan sukan dan sokongan mengikut 24 jenis sukan yang dipertandingkan dan jawatankuasa yang terlibat dengan perolehan aset untuk mengendalikan SUKMA XV. Aset peralatan sukan dan peralatan sokongan yang dibeli bagi penganjuran SUKMA XV ini adalah terdiri daripada harta modal, aset hidup dan inventori. Peralatan sukan yang dibeli adalah mengikut keperluan setiap jenis sukan yang dipertandingkan seperti perahu layar, kuda, peralatan memanah, menembak dan sebagainya. Manakala peralatan sokongan adalah seperti perakam video, kamera, kipas, meja, kerusi, set sofa dan peralatan teknikal. Perolehan aset dibuat oleh Sekretariat dan Jawatankuasa SUKMA XV manakala proses pembayaran adalah melalui Akaun Amanah Pengelolaan SUKMA XV yang dikendalikan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK).

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan aset peralatan sukan dan peralatan sokongan penganjuran SUKMA XV oleh Sekretariat SUKMA XV dan Pejabat SUK telah dilakukan dengan cekap, teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada aktiviti pengurusan aset peralatan sukan dan peralatan sokongan bagi penganjuran SUKMA XV oleh Sekretariat/Jawatankuasa SUKMA XV dan Pejabat SUK bagi tempoh 2011 hingga 2013. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis data berkaitan pengurusan aset peralatan sukan dan peralatan sokongan SUKMA XV di Pejabat Sekretariat SUKMA XV dan Pejabat SUK. Selain itu, pengesahan fizikal dan lawatan ke lokasi penyimpanan peralatan sukan dan peralatan sokongan serta temu bual dengan pegawai berkaitan juga telah diadakan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2013 mendapati secara keseluruhannya pengurusan aset peralatan sukan dan peralatan sokongan penganjuran SUKMA XV adalah kurang memuaskan walaupun penyelenggaraan rekod dan prosedur pembayaran telah dilaksanakan dengan teratur. Terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian bagi memastikan pengurusan aset peralatan sukan dan peralatan sokongan penganjuran SUKMA XV dapat diurus dengan lebih baik. Secara ringkasnya antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Harga perolehan yang berbeza bagi jenis peralatan yang sama.
- Kaedah penyimpanan peralatan yang kurang memuaskan.
- Peralatan yang dibeli tetapi tidak digunakan.
- Kehilangan aset peralatan sukan dan peralatan sokongan SUKMA XV.
- Kewujudan peralatan tidak dapat disahkan.
- Penyerahan peralatan lewat dibuat.

2.4.1. Harga Perolehan Yang Berbeza Bagi Jenis Peralatan Yang Sama

2.4.1.1. Setiap perolehan yang dibuat perlu sentiasa memastikan kepentingan kerajaan diutamakan. Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang (MMK) Bil. 2/2012 bertarikh 11 Januari 2012 telah bersetuju meluluskan perolehan dan penyewaan peralatan pertandingan serta peralatan sokongan bagi kejohanan SUKMA XV dibuat mengikut jenis sukan. Keadaan ini memudahkan penyelaras setiap jenis sukan untuk menentukan bekalan bagi memenuhi keperluan acara sukan masing-masing. Prosedur perolehan SUKMA XV juga ada menetapkan jawatankuasa dan penyelaras yang terlibat mengikut jenis sukan mengenal pasti keperluan dan seterusnya membuat kajian pasaran atau mengemukakan sebut harga mengikut nilai perolehan. Pemilihan akan dibuat oleh pihak Sekretariat SUKMA XV dan jawatankuasa terlibat. Kelulusan perolehan adalah oleh pegawai pengawal atau pihak Sekretariat SUKMA XV. Semakan Audit terhadap perolehan yang dibuat oleh penyelaras SUKMA XV mendapati beberapa peralatan

sokongan yang dibeli mempunyai harga yang berbeza walaupun peralatan yang sama dari segi jenis, saiz dan jenama.

2.4.1.2. Selain itu pihak Audit juga mendapati perolehan bagi peralatan sokongan telah dibuat daripada pembekal yang sama dengan bekalan peralatan sukan. Bagaimanapun didapati ada di kalangan pembekal tersebut yang tidak mempunyai pengkhususan dalam menawarkan peralatan sokongan yang dikehendaki akan mendapatkan bekalan daripada pembekal lain yang akan mengenakan *mark-up* ke atas harga asal bekalan tersebut.

2.4.1.3. Antara peralatan sokongan yang sama dari segi jenis, saiz dan jenama tetapi menunjukkan perbezaan harga yang ketara adalah seperti pembersih hampagas yang dibeli dengan harga antara RM400 hingga RM600 seunit, *whiteboard* dengan harga antara RM590 hingga RM920 seunit, kipas industri dengan harga antara RM248 hingga RM650 seunit, troli barang dengan harga antara RM150 hingga RM600 seunit, televisyen LCD dengan harga antara RM1,450 hingga RM2,300 seunit dan kamera video dengan harga antara RM1,600 hingga RM2,100 seunit. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 2.1** dan **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.6**.

Jadual 2.1
Perbezaan Harga Perolehan Peralatan Sokongan Yang Sama Jenis

Bil.	Jenis Sukan	Pembersih hampagas (Penasonic PVC-22B) (RM)	Whiteboard bermagnet dan berkaki (4' x 8') (RM)	Kipas industri (RM)	Troli barang (berat maksimum 150kg) (RM)	Televisyen LCD (Toshiba 32PB20E) (RM)	Kamera video (Panasonic HC-V10) (RM)
1.	Angkat berat	-	600	550	150	1,450	-
2.	Gimnastik	450	850	630	590	-	2,100
3.	Pencak silat	-	620	350	600	-	-
4.	Tinju	-	850	650	-	2,100	1,850
5.	Perahu layar	400	700	400	400	1,800	1,600
6.	Skuasy	-	590	248	-	-	-
7.	Sepak takraw	600	920	600	-	-	-
8.	Taekwando	-	-	-	-	2,300	1,800

Sumber: Pejabat Sekretariat SUKMA XV

Gambar 2.1
Pembersih Hampagas
Harga Perolehan Tertinggi: RM600
Harga Perolehan Terendah: RM400
Perbezaan Harga: RM200



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat Sekretariat SUKMA,
Indera Mahkota
Tarikh: 17 Jun 2013

Gambar 2.3
Kipas Industri
Harga Perolehan Tertinggi: RM650
Harga Perolehan Terendah: RM248
Perbezaan Harga: RM402



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Sri Manja, Indera Mahkota
Tarikh: 19 Jun 2013

Gambar 2.2
Whiteboard (Bermagnet Dan Berkaki)
Harga Perolehan Tertinggi: RM920
Harga Perolehan Terendah: RM590
Perbezaan Harga: RM330



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Sri Manja, Indera Mahkota
Tarikh: 19 Jun 2013

Gambar 2.4
Troli Barang
Harga Perolehan Tertinggi: RM600
Harga Perolehan Terendah: RM150
Perbezaan Harga: RM450



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Sukan Perahu Layar, Balok
Tarikh: 20 Jun 2013

Gambar 2.5
Televisyen LCD
Harga Perolehan Tertinggi: RM2,300
Harga Perolehan Terendah: RM1,450
Perbezaan Harga: RM850



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat Sekretariat SUKMA,
Indera Mahkota
Tarikh: 17 Jun 2013

Gambar 2.6
Kamera Video
Harga Perolehan Tertinggi: RM2,100
Harga Perolehan Terendah: RM1,600
Perbezaan Harga: RM500



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat Sekretariat SUKMA,
Indera Mahkota
Tarikh: 17 Jun 2013

2.4.1.4. Maklum balas yang diterima daripada Sekretariat SUKMA XV bertarikh 10 Oktober 2013 menjelaskan, perolehan semua jenis peralatan sukan dan peralatan sokongan adalah mengikut jenis sukan yang dimohon oleh Jawatankuasa Teknikal Sukan masing-masing. Pelantikan pembekal adalah mengikut jenis sukan yang dipertandingkan yang meliputi peralatan sukan dan sokongan bagi tujuan melancarkan proses pembekalan. Oleh itu pemilihan pembekal dibuat berdasarkan harga terendah dan kebanyakan pembekal barang sukan juga membekalkan peralatan sokongan.

Pada pendapat Audit, perbezaan harga yang ketara wujud kerana setiap jawatankuasa membuat pembelian barang yang sama daripada pembekal yang berlainan.

2.4.2. Penyimpanan Aset SUKMA XV

Aset kerajaan hendaklah sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab dan disimpan di tempat yang selamat bagi mengelak berlaku kerosakan atau kehilangan aset. Pihak Audit mendapati Sekretariat SUKMA XV tidak mempunyai ruang stor yang mencukupi bagi menempatkan kesemua peralatan yang diperoleh semasa penganjuran SUKMA XV dan penyerahan peralatan yang masih belum dibuat. Sehubungan itu, aset peralatan sukan dan peralatan sokongan SUKMA XV masih berada di pelbagai lokasi seperti di venue sukan terlibat, stor yang disewa dan pejabat Sekretariat sendiri. Lawatan Audit telah dibuat di 12 lokasi penyimpanan aset peralatan SUKMA XV bagi memastikan aset telah disimpan dengan baik dan mengikut kaedah yang sewajarnya. Hasil lawatan Audit mendapati maklumat seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Lokasi Penyimpanan Aset Peralatan SUKMA XV Yang Dilawati

Bil.	Lokasi	Jenis Peralatan Yang Disimpan	Tarikh Lawatan
1.	Pejabat Sekretariat SUKMA XV	Barangan berharga seperti Televisyen LCD, kamera video, kamera, pembersih hampagas, baton larian obor dan perabut.	17.6.2013
2.	Kompleks Sukan Akuatik, Indera Mahkota	Peralatan Sukan dan peralatan sokongan sukan Akuatik	
3.	Stor Sri Manja, Indera Mahkota	Peralatan sukan dan peralatan sokongan	19.6.2013
4.	Stadium Utama SUKPA	Peralatan sokongan	
5.	Lapang Sasar Menembak SUKPA	Peralatan sukan menembak dan peralatan sokongan	20.6.2013
6.	Stadium Gimnastik SUKPA	Peralatan sukan gimnastik	
7.	Padang Utama POLISAS dan Dewan POLISAS	Peralatan sukan memanah dan peralatan sokongan	20.6.2013
8.	Pusat Rekreasi Air Balok	Peralatan sukan perahu layar	
9.	Stadium Darul Makmur	Peralatan sukan olahraga dan peralatan sokongan	2.7.2013
10.	Pusat Latihan Angkat Berat, Rompin	Peralatan sukan angkat berat dan peralatan sokongan	
11.	Stor Wad Kecemasan Hospital Tengku Ampuan Afzan	Peralatan perubatan	9.7.2013
12.	Stor Majlis Sukan Pahang	Peralatan sukan dan peralatan sokongan yang diserahkan kepada Majlis Sukan Pahang	11.7.2013

Sumber: Sekretariat SUKMA XV

2.4.2.1. Kebersihan Lokasi Penyimpanan

- a. Lawatan Audit ke 12 stor penyimpanan aset peralatan SUKMA XV mendapati hanya 3 stor sahaja yang berkeadaan memuaskan. Manakala 9 stor lagi kurang memuaskan dari segi kebersihan, susunan barang yang tidak teratur, berhabuk dan dengan bau yang kurang menyenangkan disebabkan pengaliran udara yang kurang baik. Selain itu, lantai stor juga didapati kotor dengan keadaan sampah sarap yang berselerak. Keadaan stor di lokasi yang dilawati adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Keadaan Stor Penyimpanan Aset Peralatan SUKMA XV Semasa Lawatan Audit

Bil.	Lokasi	Keadaan Stor
1.	Kompleks Sukan Akuatik, Indera Mahkota	Peralatan ditempatkan di 3 stor berasingan. Lantai salah satu stor didapati kotor, bau yang kurang menyenangkan dan sampah sarap berselerakan seperti di Gambar 2.7 .
2.	Stor Sri Manja Indera Mahkota	Memuaskan. Peralatan disusun dengan teratur.
3.	Stadium Utama SUKPA	Whiteboard diletakkan di merata tempat dalam stadium dan set sofa ditindih dalam 2 bilik stor.
4.	Lapang Sasar Menembak SUKPA	Memuaskan. Peralatan disusun dengan kemas dan teratur.
5.	Stadium Gimnastik SUKPA	Memuaskan. Peralatan dijaga dengan baik.
6.	Padang Utama POLISAS	Peralatan ditempatkan di 2 stor berasingan. Keadaan stor berhabuk dan berbau.
7.	Dewan POLISAS	Kurang memuaskan. Keadaan tempat penyimpanan yang kurang bersih.
8.	Pusat Rekreasi Air Balok	Kurang memuaskan. Keadaan tempat penyimpanan yang kurang bersih.

Bil.	Lokasi	Keadaan Stor
9.	Stadium Darul Makmur	Peralatan ditempatkan di 2 stor berasingan. Salah satu stor mempunyai bau yang kurang menyenangkan dan pengaliran udara yang kurang baik.
10.	Pusat Latihan Angkat Berat, Rompin	Kurang memuaskan. Lantai tidak begitu bersih seperti di Gambar 2.8 .
11.	Stor Wad Kecemasan HTAA	Barangan Sekretariat diletakkan bercampur dengan peralatan milik HTAA dalam stor sementara kerana stor wad kecemasan sedang dibaik pulih.
12.	Stor Majlis Sukan Pahang	Kurang memuaskan. Tempat penyimpanan peralatan kurang bersih dengan bau yang kurang menyenangkan.

Sumber: Sekretariat SUKMA XV



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Kolam Renang Wisma Belia
Tarikh: 17 Jun 2013



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Latihan Angkat Berat, Rompin
Tarikh: 2 Julai 2013

- b. **Maklum balas yang diterima daripada Sekretariat SUKMA XV bertarikh 10 Oktober 2013 menjelaskan, sebahagian stor peralatan sukan yang dilawati telah diserahkan kepada agensi penerima seperti Majlis Sukan Pahang dan Majlis Perbandaran Kuantan. Manakala lawatan Audit ke penempatan bagi Jawatankuasa Kecil Kesihatan di Stor Wad Kecemasan HTAA adalah semasa kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih stor sedang dilakukan.**

2.4.2.2. Kaedah Penyimpanan Aset Peralatan Sukan Dan Peralatan Sokongan SUKMA XV

- a. Setiap aset hendaklah disimpan mengikut kaedah yang bersesuaian dengan jenis aset. Setiap aset hendaklah disimpan di tempat selamat dengan cara yang bersesuaian terutama barang berharga, berteknologi dan yang menarik perhatian atau barang yang sensitif seperti peralatan perubatan. Pihak Audit mendapati beberapa peralatan SUKMA XV seperti kamera, kamera video, pembersih hampagas, televisyen LCD dan baton larian obor disimpan di pejabat Sekretariat. Kamera dan kamera video didapati telah disimpan dalam kabinet besi yang berkunci dengan selamat. Bagaimanapun, 13 unit televisyen LCD yang dibeli dengan harga antara RM1,450 hingga RM2,600 seunit, pembersih hampagas dan baton larian obor diletakkan di ruang terbuka di pejabat Sekretariat tanpa ciri-ciri keselamatan seperti di

Gambar 2.9 dan Gambar 2.10. Penempatan sebegini terdedah kepada risiko kehilangan, kecurian dan salah guna kerana peralatan ini dikategorikan sebagai menarik dan mudah alih.

Gambar 2.9
13 Unit Televisyen LCD Dan Baton Larian Obor Ditempatkan
Di Ruang Terbuka Di Pejabat Sekretariat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat Sekretariat SUKMA XV
Tarikh: 17 Jun 2013

Gambar 2.10



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat Sekretariat SUKMA XV
Tarikh: 17 Jun 2013

- b. **Maklum balas yang diterima daripada Sekretariat SUKMA XV bertarikh 10 Oktober 2013 menjelaskan, peralatan seperti di Gambar 2.9 dan Gambar 2.10 telah ditempatkan di bilik berkunci.**
- c. Selain itu, pihak Audit mendapati sistem penyimpanan aset adalah tidak teratur, peralatan tidak disusun mengikut jenis dan disusun secara bertindih dan berselerak di dalam stor/tempat penyimpanan. Lokasi penyimpanan peralatan juga tidak berpusat dan masih berada di beberapa lokasi seperti di venue sukan dan stor penyimpanan. Keadaan ini menyebabkan pihak Sekretariat sukar untuk mengesah, memantau dan mengawal peralatan tersebut serta terdedah kepada risiko kehilangan. Lawatan Audit ke stor perubatan Jabatan Kecemasan Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan mendapati aset peralatan perubatan SUKMA XV telah disimpan bersama peralatan perubatan hospital yang lain sehingga pihak Audit tidak dapat membuat pengesahan terhadap peralatan SUKMA XV yang berada di sini kerana keadaan stor yang begitu sesak seperti di **Gambar 2.11**.
- d. Temu bual Audit dengan pegawai yang menjaga stor perubatan ini mendapati ada kemungkinan sebahagian peralatan perubatan ini telah rosak kerana peralatan perubatan adalah sensitif kepada keadaan persekitaran dan jangkama penyeimbangan yang terlalu lama. Sehubungan itu, beberapa peralatan perubatan ini telah diguna pakai oleh pihak hospital seperti mesin pengimbas dan beberapa peralatan lain yang diperlukan oleh pihak hospital namun dokumen penyerahan peralatan ini masih belum dibuat.

- e. Manakala set sofa yang telah diserah kepada pihak Majlis Perbandaran Kuantan (tetapi dokumen penyerahan masih belum dikeluarkan) telah disimpan di stor Stadium Utama SUKPA dan diletak bertindih antara satu sama lain seperti di **Gambar 2.12**. Susunan sebegini boleh mengakibatkan sofa tersebut menjadi rosak atau tempoh hayat penggunaannya terjejas dan seterusnya menjurus kepada pembaziran wang awam.

- f. **Maklum balas yang diterima daripada Sekretariat SUKMA XV bertarikh 10 Oktober 2013 menjelaskan, peralatan seperti di Gambar 2.11 dan Gambar 2.12 telah disusun dengan teratur.**

Gambar 2.11
Alat Perubatan SUKMA XV Disimpan Bersama Peralatan Perubatan Hospital Yang Lain Secara Bertindih



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Wad Kecemasan HTAA, Kuantan
Tarikh: 09 Julai 2013

Gambar 2.12
Set Sofa Disimpan Secara Bertindih



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stadium Utama SUKPA, Indera Mahkota
Tarikh: 19 Jun 2013

- g. Selain itu, pihak Audit juga mendapati ada stor yang dijaga dengan memuaskan dari segi kebersihan dan kaedah penyusunan seperti di **Gambar 2.13** dan **Gambar 2.14**.

Gambar 2.13
Kipas Industri



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Sri Manja Indera Mahkota
Tarikh: 19 Jun 2013

Gambar 2.14
Kad Sasaran Bagi Sukan Menembak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Lapang Sasar Menembak,
Indera Mahkota
Tarikh: 19 Jun 2013

Pada pendapat Audit, kelewatan dalam penyerahan peralatan SUKMA XV dan kurangnya pemantauan oleh Sekretariat SUKMA XV telah menyebabkan aset masih lagi berada di lokasi dan dalam keadaan yang kurang memuaskan.

2.4.3. Aset Peralatan Sukan Dan Peralatan Sokongan Yang Tidak Digunakan

2.4.3.1. Perolehan aset hendaklah dibuat mengikut keperluan dan setiap aset yang dibeli perlulah digunakan sewajarnya mengikut tujuan perolehan dibuat. Merujuk kepada Perenggan 11.6 Surat Ikatan Amanah Bagi Kumpulan Wang Amanah SUKMA XV, kumpulan wang amanah ini hendaklah dibelanjakan bagi pembelian peralatan pertandingan sukan bagi menjayakan SUKMA XV. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati 24 peralatan SUKMA XV yang dibeli dengan nilai perolehan RM0.12 juta seperti di **Jadual 2.4** dan **Gambar 2.15** hingga **Gambar 2.17** masih belum digunakan sehingga tarikh pengauditan. Temubual Audit dengan pegawai Bahagian Sukan Akuatik menjelaskan *landing foam mats* ini akan digunakan bagi tujuan latihan pada masa akan datang.

Jadual 2.4
Aset Peralatan Sukan Tidak Digunakan Semasa SUKMA XV

Bil.	Jenis Sukan	Peralatan Sukan	Kuantiti	Harga/Unit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Akuatik	<i>Landing Foam Mats 14"</i>	5	3,502	17,512
		<i>Landing Foam Mats 7"</i>	5	2,622	13,112
		<i>Landing Foam Mats 2"</i>	10	1,742	17,420
2.	Angkat Berat	Set Bar untuk latihan	3	8,000	24,000
3.	Sepak Takraw	Pembersih Hampagas Pensonic	1	600	600
Jumlah			24		120,688

Sumber: Sekretariat SUKMA XV

Gambar 2.15
Landing Foam Mats Sukan Akuatik
Yang Masih Belum Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Sukan Akuatik Bandar Indera Mahkota
Tarikh: 17 Jun 2013

Gambar 2.16
Set Bar Latihan Bagi Sukan Angkat Berat
Yang Masih Belum Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Sukan Angkat Berat, Rompin
Tarikh: 2 Julai 2013



**Gambar 2.17
Pembersih Hampagas Bagi Sukan Sepak Takraw Yang Masih Belum Digunakan**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat Sekretariat SUKMA XV Bandar Indera Mahkota
Tarikh: 17 Jun 2013

2.4.3.2. Maklum balas yang diterima daripada Sekretariat SUKMA XV bertarikh 10 Oktober 2013 menjelaskan, *Landing Foam Mats* bagi sukan aquatik tidak digunakan untuk sesi latihan kerana venue lewat disiapkan sehingga kejohanan SUKMA XV hampir bermula. Manakala, Set Bar latihan bagi sukan angkat berat telah digunakan dan disimpan kembali di stor Angkat Berat, Rompin. Pembersih hampagas bagi sukan sepak takraw tidak digunakan adalah kerana peralatan tersebut telah disediakan oleh pihak venue tanpa dimaklumkan kepada Sekretariat.

Pada pendapat Audit, perancangan yang kurang berkesan menyebabkan berlaku pembaziran kerana terdapat peralatan yang dibeli tetapi tidak digunakan semasa SUKMA XV.

2.4.4. Kehilangan Aset Peralatan Sukan Dan Peralatan Sokongan SUKMA XV

2.4.4.1. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menerangkan maksud kehilangan aset adalah aset yang tiada lagi dalam simpanan disebabkan oleh kecurian, kemalangan, bencana alam, kesusutan, penipuan atau kecuaian pegawai awam. Semakan Audit terhadap rekod aset peralatan sukan dan peralatan sokongan bagi pengajuran SUKMA XV mendapati sebanyak 1,211 aset yang dianggarkan bernilai RM0.09 juta di bawah jawatankuasa sukan dan jawatankuasa pengajuran telah dilaporkan hilang seperti di **Jadual 2.5.**

**Jadual 2.5
Jenis Sukan Dan Jawatankuasa Yang Mengalami
Kehilangan Aset SUKMA XV**

Bil.	Jawatankuasa Sukan/ Jawatankuasa Pengajuran	Kuantiti	Nilai (RM)
1.	Karate	28	8,375
2.	Angkat Berat	2	1,300
3.	Hoki Lelaki	14	982
4.	Gimnastik	15	1,445
5.	Ekuestrian	6	157
6.	Wushu	2	110
7.	Skuasy	3	528
8.	Menembak	7	395
9.	Petanque	5	507
10.	Bola Tampar	21	11,488

Bil.	Jawatankuasa Sukan/ Jawatankuasa Penganjuran	Kuantiti	Nilai (RM)
11.	Olahraga	31	17,186
12.	Golf	1	380
13.	Sepak Takraw	56	1,327
14.	Taekwando	17	4,355
15.	Berbasikal	629	10,250
16.	Tinju	10	2,590
17.	Boling Padang	2	1,720
18.	Silat	47	3,016
19.	Perahu Layar	90	15,707
20.	Jawatankuasa Promosi, Publisiti, Seranta Dan Siaraya	157	7,850
21.	Jawatankuasa ICT, Laman Web Dan Pendaftaran Atlet	68	3,482
Jumlah		1,211	93,150

Sumber: Sekretariat SUKMA XV

2.4.4.2. Analisis Audit mendapati jenis peralatan yang banyak berlaku kehilangan adalah seperti di **Jadual 2.6** dan antara jenis peralatan dan bilangan yang hilang adalah seperti di **Gambar 2.18** hingga **Gambar 2.21**.

Jadual 2.6
Senarai Aset Yang Banyak Berlaku Kehilangan

Bil.	Jenis Aset	Kuantiti
1.	<i>Bunting Stand</i>	157
2.	<i>Extention Wire</i>	66
3.	Wisel	28
4.	<i>Stop Watch</i>	22
5.	<i>Body Protector</i>	10
6.	Pelekat Tiang	8
7.	Jam Dinding	7
8.	Video Kamera	3
9.	Kipas Industri	3
10.	<i>Whiteboard 4' X 8'</i>	3
Jumlah		307

Sumber: Sekretariat SUKMA XV

Gambar 2.18
Stopwatch (22 unit)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat Sekretariat SUKMA XV
Tarikh: 11 Julai 2013

Gambar 2.19
Kamera Video (3 unit)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat Sekretariat SUKMA XV
Tarikh: 17 Jun 2013

Gambar 2.20
Jam Dinding (7 unit)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat Sekretariat SUKMA XV
Tarikh: 19 Jun 2013

Gambar 2.21
Kipas Industri (3 unit)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Sri Manja, Indera Mahkota
Tarikh: 24 Jun 2013

2.4.4.3. Sehubungan itu pihak Sekretariat SUKMA XV telah membuat 2 laporan polis bertarikh 29 Oktober 2012 dan 14 Mei 2013. Laporan polis yang dibuat pada 29 Oktober 2012 adalah berkaitan kehilangan aset yang berlaku di Stadium Darul Makmur. Temuan Audit dengan pegawai Sekretariat SUKMA XV mendapati kehilangan berlaku semasa dan selepas penganjuran SUKMA XV. Antara punca kehilangan yang dikenal pasti adalah pihak Sekretariat dan Jawatankuasa terlibat tidak merekodkan pergerakan aset yang digunakan semasa penganjuran SUKMA XV serta kurangnya pemantauan terhadap penggunaan peralatan tersebut.

2.4.4.4. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 (Bab F) juga menerangkan Ketua Jabatan hendaklah menyediakan Laporan Awal (KEW. PA-28) bagi melaporkan kehilangan aset kepada Pegawai Pengawal. Jawatankuasa Penyiasat pula hendaklah dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal menggunakan KEW.PA-29 dengan segera dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh Laporan Awal ditandatangani. Semakan Audit mendapati 3 orang pegawai telah dilantik sebagai Jawatankuasa Penyiasat bagi menyiasat kehilangan aset SUKMA XV yang dipengerusikan oleh Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan SUK. Pihak Audit mendapati tarikh jawatankuasa ini dilantik iaitu pada 9 Mei 2013 adalah sebelum tarikh laporan polis dibuat. Selain itu, Laporan Akhir (KEW. PA-30) juga perlu disedia dan dikemukakan kepada pihak SUK sebelum 21 Julai 2013. Pihak Audit mendapati sehingga Ogos 2013 Laporan ini masih belum dikemukakan kepada SUK.

2.4.4.5. Maklum balas yang diterima daripada Sekretariat SUKMA XV bertarikh 10 Oktober 2013 menjelaskan, semua peralatan yang dilaporkan hilang telah pun diambil tindakan dengan merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 dan ianya masih dalam proses siasatan. Selain itu, Laporan Akhir (Kew. PA 30) masih lagi dalam proses penyediaan dan pihak Sekretariat telah memohon pelanjutan tempoh daripada Pegawai Pengawal.

Pada pendapat Audit, kurangnya pemantauan oleh pihak yang berkaitan seperti jawatankuasa terlibat, penyelaras sukan dan pihak Sekretariat sendiri telah menyebabkan banyaknya berlaku kehilangan aset peralatan SUKMA XV. Selain itu status hak milik aset SUKMA yang tidak jelas juga menyebabkan kurang kawalan terhadap pergerakan aset.

2.4.5. Kewujudan Aset Peralatan Sokongan Tidak Dapat Disahkan

2.4.5.1. Aset Kerajaan hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab. Arahan Keselamatan Kerajaan hendaklah sentiasa dipatuhi bagi mengelak berlakunya kerosakan atau kehilangan aset. Semakan Audit terhadap Daftar Inventori (KEW-PA 3) mendapati peralatan sokongan seperti di **Jadual 2.7** telah didaftarkan bagi Sukan Angkat Berat. Bagaimanapun semasa lawatan Audit ke Pusat Latihan Angkat Berat, Rompin mendapati 21 peralatan sokongan yang bernilai RM6,363 tidak dapat disahkan kewujudan kerana peralatan tersebut tiada di lokasi seperti yang dinyatakan di dalam KEW-PA 3. Selain itu semakan Audit juga mendapati aset ini tidak didaftar dalam Senarai Inventori (KEW.PA 5).

Jadual 2.7
Aset Yang Tidak Dapat Disahkan Kewujudannya

Bil.	Jenis Peralatan	Nombor Pendaftaran	Kuantiti	Nilai (RM)
1.	Troli Barang	SUKMA XV/I/12/AB/22	1	150
2.	Meja 3'X4'	SUKMA XV/I/12/AB/23-25	3	720
3.	Meja 3'X7'	SUKMA XV/I/12/AB/26-27	2	900
4.	Whiteboard 4'X8'	SUKMA XV/I/12/AB/28-30	3	1,800
5.	Kipas Kaki	SUKMA XV/I/12/AB/31-34	4	448
6.	Jam Dinding	SUKMA XV/I/12/AB/35	1	24
7.	Meja Pejabat 4'	SUKMA XV/I/12/AB/36-37	2	1,200
8.	Stopwatch	SUKMA XV/I/12/AB/38	1	45
9.	Softboard	SUKMA XV/I/12/AB/39-40	2	560
10.	Loudhailer	SUKMAXV/I/12/AB/41	1	336
11.	Papan Markah	SUKMA XV/I/12/AB/42	1	180
Jumlah			21	6,363

Sumber: Sekretariat SUKMA XV

2.4.5.2. Maklum balas yang diterima daripada Sekretariat SUKMA XV bertarikh 10 Oktober 2013 menjelaskan, kesemua peralatan yang dinyatakan dalam Jadual 2.7 adalah peralatan guna terus dan tiada isu kehilangan yang dilaporkan.

2.4.5.3. Merujuk kepada maklum balas yang diterima, Pihak Audit mendapati semua peralatan ini telah direkodkan sebagai aset dalam Daftar Inventori (KEW-PA 3) dan peralatan ini juga dilihat bukan bersifat guna terus.

Pada pendapat Audit, perolehan peralatan SUKMA XV oleh pelbagai pihak dan penyelenggaraan rekod yang kurang memuaskan menyebabkan peralatan SUKMA XV sukar untuk disenggara.

2.4.6. Prestasi Penyerahan Aset Peralatan Sukan Dan Peralatan Sokongan SUKMA XV

2.4.6.1. Penyerahan Aset Lewat Dibuat

- a. Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) yang ke 26/2012 bertarikh 15 Ogos 2012 dan disahkan dalam mesyuarat MMK yang ke 28/2012 bertarikh 5 September 2012 memutuskan untuk menyerahkan peralatan teknikal pertandingan yang dibeli bagi kegunaan SUKMA XV kepada Jabatan dan Agensi Kerajaan seperti di **Jadual 2.8**. Semakan Audit mendapati penyerahan telah pun dibuat sepatimana keputusan MMK.

Jadual 2.8

Jabatan/Agenzi Yang Diserahkan Peralatan SUKMA Mengikut Keputusan MMK

Bil.	Jenis Sukan	Jabatan/Agenzi Yang Menerima
1.	Badminton	Majlis Perbandaran Kuantan
2.	Memanah	Majlis Sukan Pahang
3.	Boling Padang	Majlis Perbandaran Kuantan
4.	Menembak	Majlis Sukan Pahang
5.	Sepak Takraw	Majlis Perbandaran Kuantan
6.	Karate	Majlis Sukan Pahang
7.	Taekwando	Majlis Sukan Pahang
8.	Wushu	Majlis Sukan Pahang
9.	Hoki	Majlis Perbandaran Kuantan
10.	Akuatik	Majlis Perbandaran Kuantan
11.	Olahraga	Majlis Sukan Pahang
12.	Bola Tampar	Majlis Sukan Pahang
13.	Tinju	Majlis Sukan Pahang
14.	Ekuestrian: Kuda 5 Ekor Peralatan lain berkaitan ekuestrian	Majlis Sukan Pahang Yayasan Pahang
15.	Perahu Layar	Majlis Sukan Pahang
16.	Petanque	Majlis Perbandaran Kuantan
17.	Bola Sepak: Bola Tiang Gol dan Jaring	Majlis Sukan Pahang Majlis Perbandaran Kuantan
18.	Angkat Berat	Majlis Sukan Pahang
19.	Silat	Majlis Sukan Pahang
20.	Gimnastik Dan Gimrama	Majlis Sukan Pahang

Sumber: Sekretariat SUKMA XV

- b. Selain perolehan aset teknikal sukan, SUKMA XV juga membuat perolehan aset di bawah beberapa jawatankuasa kecil dengan nilai perolehan berjumlah RM1.93 juta seperti di **Jadual 2.9**. Pihak Audit mendapati sehingga Jun 2013, penyerahan aset-aset jawatankuasa kecil ini masih belum diputuskan dan surat penyerahan juga masih belum dikeluarkan oleh Pejabat SUK sebagai Pegawai Pengawal.

Jadual 2.9
Perolehan Aset Oleh Jawatankuasa Kecil SUKMA XV

Bil.	Jawatankuasa Kecil	Jenis Aset	Lokasi	Jumlah (RM)
1.	ICT	Peralatan ICT seperti komputer meja, komputer riba, <i>printer</i> , televisyen, <i>server switch</i> , <i>projector</i> dan <i>galaxy tab</i> .	Diserah kepada Pejabat SUK	871,929
2.	Perubatan	Peralatan perubatan seperti kerusi roda, <i>syringe pump</i> , mesin ECG, SPO Monitor dan sebagainya.	Hospital Tengku Ampuan Afzan	836,605
3.	Sekretariat	Perabot, Peralatan pejabat, kerusi banquet, meja lipat dan <i>partition</i> .	Pejabat Sekretariat SUKMA XV dan sebagainya telah diserah kepada MPK	61,482
4.	Keselamatan	Kon jalanraya, papan tanda, <i>baton light</i>	Ibu Pejabat Polis Kontinjen, Pahang	41,000
5.	Promosi	<i>Bunting stand</i> dan papan pameran	Digunakan oleh UTC/ Stor SUKMA	21,250
6.	Pengindahan Venue	Sofa	Diserah kepada MPK	36,190
7.	Perasmian Dan Penutup	Permaidani	Stor JKR	35,320
8.	Larian Baton	Baton	Pejabat Sekretariat	4,424
9.	Hadiah Dan Cenderamata	Dulang hadiah, troli hadiah dan bakul rotan.	Pejabat Sekretariat	19,480
Jumlah				1,927,680

Sumber: Sekretariat SUKMA XV

- c. Jawatankuasa SUKMA XV juga ada membuat perolehan peralatan sokongan bagi keperluan setiap venue sukan seperti televisyen LCD, kamera video, pembersih hampagas, kipas industri, troli barang, jam dinding, *stopwatch*, *whiteboard* dan sebagainya. Pihak Audit mendapati peralatan sokongan ini masih berada di pelbagai lokasi seperti di Pejabat Sekretariat SUKMA, venue sukan, stor SUKMA dan di agensi tertentu. Semakan Audit mendapati sehingga Jun 2013 surat penyerahan peralatan sokongan ini masih belum dikeluarkan kepada mana-mana pihak.
- d. **Maklum balas yang diterima daripada Sekretariat SUKMA XV bertarikh 10 Oktober 2013 menjelaskan, penyerahan semua aset di bawah jawatankuasa kecil dan peralatan sokongan akan dibuat sebaik sahaja penutupan Sekretariat SUKMA XV secara rasmi oleh Pihak Berkuasa Negeri diluluskan. Oleh itu penyerahan akan bergantung kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.**

2.4.6.2. Penyerahan Aset Peralatan Sokongan Tanpa Kelulusan Dan Dokumen

- a. Semakan Audit mendapati MMK masih belum membuat keputusan dan surat penyerahan aset juga masih belum dikeluarkan bagi aset di bawah perolehan jawatankuasa kecil bagi peralatan sokongan dan sebahagian aset teknikal sukan. Bagaimanapun ada di antara aset ini telah diserah kepada pihak tertentu tanpa

kelulusan dan surat penyerahan. Antara peralatan yang telah diserahkan dan pihak yang menerima serta digunakan oleh pihak tertentu adalah seperti di **Jadual 2.10**.

Jadual 2.10
Penyerahan Aset Tanpa Surat Kelulusan

Bil.	Jawatankuasa Kecil	Jenis Aset	Status Kedudukan Aset	Jumlah (RM)
1.	ICT	Peralatan ICT seperti komputer meja, komputer riba, printer, televisyen, <i>server, switch, projektor</i> dan <i>galaxy tab</i> .	Diserah kepada pejabat SUK	871,929
2.	Sekretariat	Komputer Meja, kerusi banquet, meja panjang	Diserah kepada MPK	36,158
3.	Keselamatan	Kon jalan raya, papan tanda dan <i>baton light</i>	Diserah kepada Ibu Pejabat Polis Kontinjen, Pahang	41,000
4.	Pengindahan <i>Venue</i>	Sofa	Diserah kepada MPK	36,190
5.	Promosi	<i>Bunting stand</i>	Digunakan oleh pihak UTC	35,320
6.	Perubatan	Peralatan Perubatan	Sebahagiannya diguna oleh pihak Hospital	
7.	Perasmian Dan Penutup	Permaidani	Diserah kepada Jabatan Kerja Raya	35,320

Sumber: Sekretariat SUKMA XV

- b. **Maklum balas yang diterima daripada Sekretariat SUKMA XV bertarikh 10 Oktober 2013 menjelaskan, peralatan seperti di Jadual 2.11 bukanlah diserahkan tetapi hanya ditempatkan di agensi yang terlibat kerana masalah ruang yang tidak mencukupi di Sekretariat.**
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati borang penyerahan bagi peralatan ICT ada disediakan yang ditandatangani kelulusan oleh Ketua Pegawai Eksekutif SUKMA XV dan diakuterima pada 16 Januari 2013 oleh Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, Bahagian Teknologi Maklumat SUK. Bagaimanapun kelulusan MMK berkaitan perkara ini masih belum diterima.

Pada pendapat Audit kelewatian dalam penyerahan aset dan penyerahan aset tanpa kelulusan boleh menyebabkan status aset sukar dikenal pasti, mudah berlaku kehilangan dan pemantauan sukar dijalankan.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan aset peralatan sukan dan peralatan sokongan bagi penganjuran SUKMA XV dapat diurus dengan dengan cekap, teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan serta kerajaan mendapat *value for money* bagi kos yang dibelanjakan adalah disyorkan pihak berkaitan seperti Sekretariat SUKMA XV, Pejabat SUK dan agensi/Jabatan yang menerima peralatan SUKMA XV mengambil tindakan seperti berikut:

2.5.1. Perolehan peralatan sokongan hendaklah dibuat oleh satu jawatankuasa sahaja bagi semua jenis sukan supaya perolehan dapat dibuat daripada pembekal yang sesuai dengan harga yang lebih munasabah serta menguntungkan kerajaan.

2.5.2. Kaedah penyimpanan yang lebih teratur dan sempurna hendaklah diwujudkan oleh pihak yang menjaga peralatan SUKMA XV bagi memastikan aset kerajaan dijaga dengan sempurna serta mengelak daripada berlaku kehilangan dan kerosakan.

2.5.3. Pemantauan berterusan secara berkesan oleh pihak yang bertanggungjawab terhadap aset SUKMA XV hendaklah dijalankan bagi memastikan keutuhan aset kerajaan dan mengelak daripada berlakunya kehilangan aset yang boleh merugikan kerajaan.

2.5.4. Penyelenggaraan rekod aset hendaklah dibuat dengan teratur dan kemas kini bagi memastikan setiap perolehan aset telah direkodkan dengan betul mengikut jenis dan kategori aset.

2.5.5. Penyerahan aset SUKMA XV kepada jabatan/agensi yang ditetapkan atau kepada pihak yang memerlukan hendaklah dilaksanakan segera bagi memastikan status hak milik aset dan aset dapat disenggara dengan sempurna.

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

3. PENGURUSAN SKIM PINJAMAN TERNAKAN RUMINAN

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang (Jabatan) merupakan agensi yang bertanggungjawab membangunkan industri ternakan di Negeri Pahang. Objektif Jabatan adalah untuk mempertahankan dan mengekalkan status kesihatan haiwan yang diyakini lagi kondusif untuk industri haiwan dan memastikan kesihatan awam melalui kawalan penyakit zoonotik dan penghasilan makanan berasaskan haiwan yang bersih dan selamat. Selain itu, menggalakkan pengeluaran ternakan mapan dan industri tambah nilai. Ia juga meneroka, membangun, menggalakkan penggunaan teknologi dan sumber secara optimum dalam industri berasaskan haiwan serta menganjurkan amalan kebijakan haiwan dalam semua aspek pemeliharaan dan sistem pengeluaran. Bagi mencapai objektif Jabatan, pelbagai program telah diperkenalkan dan dilaksanakan. Antaranya adalah Skim Pinjaman Ternakan Ruminan (SPT) yang diperkenalkan pada tahun 2001. SPT menawarkan pinjaman ternakan haiwan seperti lembu, kambing, kerbau dan biri-biri yang terbahagi kepada 2 iaitu pinjaman baka dan induk.

3.1.2. SPT ini diwujudkan bagi meningkatkan kuantiti pengeluaran daging tempatan dan produktiviti ternakan melalui perkhidmatan veterinar proaktif, penyaluran sumber genetik ternakan bermutu dan penyusunan kawasan pemeliharaan ternakan. Selain itu, objektif SPT juga adalah untuk membangunkan usahawan dalam industri ternakan. Pada tahun 2011 dan 2012, sejumlah RM0.40 juta dan RM0.20 juta masing-masing telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri. Peruntukan tersebut telah dibelanjakan 100% untuk membeli ternakan iaitu 39 ekor lembu jantan, 309 ekor lembu betina, 6 ekor kambing jantan dan 50 ekor kambing betina bagi melaksanakan SPT. Manakala, pada tahun 2013, tiada peruntukan yang diterima oleh Jabatan. Bagi tahun 2011 hingga Mei 2013, SPT telah menerima permohonan daripada seramai 406 orang dan jumlah pemohon yang berjaya adalah seramai 65 orang. Bagi tahun 2001 hingga 2013, sejumlah RM7.57 juta telah dibelanjakan dan sehingga Mei 2013, baki tunggakan bayaran balik oleh peserta SPT adalah berjumlah RM4.20 juta dengan jumlah peserta seramai 379 orang.

3.1.3. Kajian Audit terhadap pengurusan Skim Pinjaman Ternakan telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003. Dalam laporan tersebut, pihak Audit telah melaporkan perancangan pengurusan SPT, kaedah perolehan dan pengagihan ternakan serta prestasi adalah memuaskan. Laporan tersebut juga membangkitkan beberapa kelemahan dalam pelaksanaan SPT ini seperti kelewatan pemilihan peserta, kelewatan penyediaan surat perjanjian dan masalah pengurusan ladang peserta individu yang harus diatasi.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan SPT telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan bagi tempoh 2011 hingga 2013 di Jabatan dan 2 Pejabat Perkhidmatan Veterinar (PPV) di Daerah Pekan dan Maran. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak fail, dokumen, daftar dan minit mesyuarat. Sebanyak 40 borang kaji selidik telah diedarkan kepada peserta. Selain itu, lawatan ke tapak projek turut dilakukan bagi meninjau keadaan ternakan yang telah diluluskan dan temu bual dengan pegawai serta peserta yang terlibat di Daerah Kuantan, Pekan dan Maran.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2013 mendapati pengurusan SPT adalah baik dari segi pengurusan permohonan peserta SPT di mana telah diuruskan dengan mematuhi syarat garis panduan yang ditetapkan dan perolehan ternakan telah mematuhi peraturan kewangan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan SPT seperti berikut:

- Penilaian terhadap pencapaian SPT tidak dilaksanakan walaupun SPT telah melebihi 10 tahun diperkenalkan.
- Prestasi pembayaran balik pinjaman kurang memuaskan dengan tunggakan RM4.20 juta sehingga Mei 2013.
- Pengagihan ternakan kepada peserta mengambil tempoh yang lama iaitu antara 101 hingga 231 hari.

3.4.1. Penilaian Terhadap Pencapaian SPT Tidak Dilaksanakan

3.4.1.1. Tiga matlamat utama telah ditetapkan oleh Jabatan untuk dicapai oleh SPT. Pertama, untuk merangsang peningkatan pengeluaran daging tempatan daripada 1,770 tan metrik kepada 5,600 tan metrik melalui agihan SPT yang strategik di kawasan berpotensi. Kedua, untuk mendorong peningkatan produktiviti ternakan dengan amalan pengurusan ladang yang baik dalam gerompok tertutup secara integrasi melalui perkhidmatan veterinar proaktif dan penggunaan sumber genetik yang berkualiti dengan menggunakan teknologi moden. Ketiga, untuk menambahkan bilangan usahawan terutama Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera dalam industri ternakan melalui khidmat nasihat dan pembentukan rangkaian.

3.4.1.2. Semakan Audit mendapati Jabatan masih belum melaksanakan penilaian keseluruhan ke atas pencapaian SPT ini walaupun ia telah diperkenalkan sejak tahun 2001. Bagaimanapun, Jabatan ada mengumpul maklumat berkenaan jumlah ternakan ruminan setiap tahun bagi memantau populasi ternakan di Negeri Pahang. Analisis Audit mendapati pada tahun 2011, jumlah ternakan Negeri Pahang telah berkurang sebanyak 52,036 ekor atau 24.3% berbanding tahun 2010. Pada tahun 2012 pula, didapati jumlah populasi ternakan ini terus menurun di mana terdapat pengurangan sebanyak 160 ekor atau 0.1% berbanding tahun 2011. Statistik ternakan ruminan Negeri Pahang bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1

Statistik Ternakan Ruminan Negeri Pahang Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Daerah	Tahun/Jenis Ternakan (Ekor)								
	2010			2011			2012		
	Lembu	Kerbau	Kambing	Lembu	Kerbau	Kambing	Lembu	Kerbau	Kambing
Bentong	16,951	285	4,302	8,713	-	3,785	17,408	493	4,116
Bera	31,631	3,204	6,252	32,224	3,252	6,374	31,518	3,459	6,928
Cameron Highlands	9	-	397	13	-	397	13	-	397
Jerantut	8,621	286	1,735	8,035	279	1,865	7,550	414	1,406
Kuantan	18,457	337	5,701	5,735	437	2,575	2,193	351	1,161
Lipis	9,706	534	1,898	642	143	1,438	1,675	298	617
Maran	20,453	1,086	6,225	13,143	1,045	5,690	13,199	1,059	5,158
Pekan	8,425	1,340	2,637	7,905	1,394	2,411	8,458	1,446	2,825
Raub	4,375	279	3,679	859	50	1,561	2,613	67	2,909
Rompin	29,690	1,789	5,173	28,126	1,838	4,978	19,536	1,761	5,179
Temerloh	10,222	4,449	4,171	9,402	4,052	3,902	9,767	4,049	4,080
Jumlah	158,540	13,589	42,170	114,797	12,490	34,976	113,930	13,397	34,776
Beza [+ / (-)]	-	-	-	(43,743)	(1,099)	(7,194)	(867)	907	(200)
Peratusan Perbezaan (%)	-	-	-	(27.6)	(8.1)	(17.1)	(0.8)	7.3	(0.6)

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar

3.4.1.3. Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 13 Disember 2013, jumlah populasi ternakan di Negeri Pahang pada tahun 2011 dan 2012 adalah berkurangan disebabkan kawasan tanaman sawit ditebang untuk proses penanaman semula di mana ia menjadi gerompok integrasi lembu pedaging dan penyembelihan lembu betina serta kes kecurian yang semakin meningkat. Selain itu, bilangan ternakan berkurangan disebabkan oleh kekurangan import ternakan dari negara luar untuk tujuan penyembelihan sejak tahun 2011 akibat faktor peningkatan harga yang lebih tinggi di Negeri Thailand dan kawalan eksport ternakan dari Negara Australia disebabkan faktor kebijakan haiwan yang terabai di Malaysia.

3.4.1.4. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada tahun 2013, SPT ini telah memasuki tahun yang ke-13 dengan seramai 451 peserta iaitu 402 peserta individu, 45 peserta syarikat/koperasi/pertubuhan dan 4 peserta daripada syarikat Kerajaan. Bagi tahun 2001 hingga 2013, sebanyak 4,748 ekor lembu, 666 ekor kambing dan 127 ekor

kerbau serta 434 ekor bebiri dengan perbelanjaan sejumlah RM7.57 juta telah diagihkan kepada peserta. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 13 Disember 2013, kajian impak SPT sedang dijalankan dengan kerjasama Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) dan UiTM Jengka serta dijangka siap akhir Disember 2013.** Objektif kajian impak SPT adalah untuk mengenal pasti perkara berikut iaitu peningkatan pendapatan golongan sasar selepas menyertai SPT, peningkatan populasi ternakan bagi meningkatkan pengeluaran daging dalam negeri, penglibatan golongan belia dalam sektor ternakan, kaedah pemasaran yang digunakan oleh golongan sasar, sistem penternakan yang digunakan oleh golongan sasar serta mengenal pasti masalah-masalah yang sering dihadapi oleh para penternak dalam mencapai objektif SPT.

3.4.1.5. Oleh yang demikian, penilaian keseluruhan SPT ini agak lewat dilaksanakan dan Jabatan tidak dapat menilai sama ada SPT telah berjaya dari segi pelaksanaan dan mencapai objektifnya lebih awal.

Pada pendapat Audit, penilaian terhadap pencapaian objektif SPT kurang memuaskan kerana ia belum dilaksanakan walaupun telah diperkenalkan melebihi 10 tahun. Bagaimanapun, pada tahun 2013 Jabatan telah mengambil tindakan dengan kerjasama antara BPEN dan UiTM Jengka bagi melaksanakan kajian impak SPT.

3.4.2. Prestasi Pembayaran Balik Pinjaman Kurang Memuaskan

3.4.2.1. Mengikut perjanjian, peminjam akan membayar balik semua pinjaman bersama bayaran perkhidmatan dalam bentuk ternakan induk pembiak matang atau secara tunai mengikut jadual yang ditetapkan. Pembayaran balik oleh peserta bermula tahun ketiga perjanjian hingga tahun kelima bagi pinjaman ternakan lembu, manakala untuk pinjaman ternakan kambing pula bayaran balik bermula pada tahun kedua perjanjian hingga tahun keempat. Jumlah pinjaman yang perlu dibayar oleh peminjam adalah harga asal ternakan termasuk bayaran perkhidmatan iaitu 4% daripada nilai asal ternakan. Jadual pembayaran balik seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Jadual Pembayaran Balik

Jenis Ternakan	Tahun Mula Bayar	Kadar Bayaran (Daripada Harga Asal)	Bayaran Perkhidmatan
Lembu	Tahun ke 3	30%	4%
	Tahun ke 4	30%	
	Tahun ke 5	40%	
Kambing	Tahun ke 2	30%	4%
	Tahun ke 3	30%	
	Tahun ke 4	40%	

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar

3.4.2.2. Jabatan telah melantik 3 Pegawai Pelaksana yang bertanggungjawab untuk memantau kutipan bayaran balik pinjaman di 3 Zon. Zon 1 merangkumi Daerah Bentong, Raub dan Lipis. Zon 2 meliputi Daerah Bera, Temerloh, Jerantut dan Maran. Manakala Zon 3 pula terdiri dari Daerah Kuantan, Pekan dan Rompin. Tugas Pegawai Pelaksana adalah untuk memberi peringatan secara lisan tentang tunggakan bayaran serta menghantar surat peringatan dan surat amaran kepada peserta. Mereka juga perlu membuat lawatan berkala mengikut jadual yang telah disediakan oleh Jabatan.

3.4.2.3. Semakan Audit mendapati sehingga Mei 2013, baki tunggakan pinjaman SPT adalah sejumlah RM4.20 juta. Peratusan pembayaran balik pinjaman adalah kurang memuaskan kerana hanya 14.3% yang membuat bayaran pada tahun 2011, 5.3% pada tahun 2012 dan sehingga Mei 2013 hanya 1.4% sahaja yang membuat pembayaran balik. Butiran lengkap seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3

Prestasi Pembayaran Balik Pinjaman Bagi Tahun 2011 Hingga Mei 2013

Tahun	Tunggakan (RM Juta)			Bayaran Balik (RM Juta)	Peratus Bayaran Balik (%)	Baki Tunggakan (RM Juta)
	Pada 1 Jan	Pada 31 Dis	Jumlah			
2011	2.23	1.35	3.58	0.51	14.3	3.07
2012	3.07	1.10	4.17	0.22	5.3	3.95
2013	3.95	0.31*	4.26	0.06*	1.4*	4.20*

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Nota: *Maklumat diperoleh sehingga Mei 2013

3.4.2.4. Semakan Audit selanjutnya terhadap 38 rekod pinjaman peserta yang telah menandatangani perjanjian bagi tahun 2002 hingga 2011 mendapati kesemuanya masih belum membuat pembayaran balik sepenuhnya kepada Kerajaan. Sehingga Mei 2013, jumlah pinjaman yang telah diterima oleh semua peserta ini adalah berjumlah RM1.14 juta. Bagaimanapun, bayaran balik yang diperolehi hanya sejumlah RM0.19 juta iaitu 16.7% daripada jumlah pinjaman yang telah diberikan dan tunggakan pinjaman sejumlah RM0.95 juta. Butiran terperinci seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4

Jumlah Pinjaman Dan Tunggakan Sehingga Mei 2013

Bil.	Daerah	Jumlah Peminjam	Jumlah Pinjaman (RM Juta)	Bayaran Balik (RM Juta)	Jumlah Tunggakan (RM Juta)
1.	Kuantan	3	0.03	0.01	0.02
2.	Pekan	6	0.17	0.08	0.09
3.	Maran	12	0.63	0.09	0.54
4.	Temerloh	2	0.13	0.01	0.12
5.	Jerantut	2	0.02	-	0.02
6.	Bentong	4	0.11	-	0.11
7.	Bera	2	0.02	-	0.02
8.	Raub	4	0.02	-	0.02
9.	Lipis	3	0.01	-	0.01
Jumlah		38	1.14	0.19	0.95

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar

3.4.2.5. Bagi mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh peserta SPT, pihak Audit telah mengedarkan sebanyak 40 borang soal selidik ke Daerah Kuantan, Pekan dan Maran. Maklum balas yang diterima diringkaskan seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5

Maklum Balas Responden Terhadap Tuggakan Pinjaman SPT

Daerah	Responden				
	Masalah Menyelesaikan Pembayaran Pinjaman	Tiada Masalah Pembayaran Pinjaman	Tidak Mengetahui Mempunyai Baki Pinjaman	Belum Cukup Tempoh Bayaran Pinjaman	Tidak Dapat Dikesan
Kuantan	TB	TB	TB	5	2
Pekan	5	1	2	0	2
Maran	10	5	2	1	5
Jumlah	15	6	4	6	9

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: TB - Tidak Berkенаan

3.4.2.6. Analisis Audit terhadap 40 borang soal selidik yang diedarkan kepada responden mendapati 15 orang menghadapi masalah untuk menyelesaikan tunggakan, 6 orang tidak menghadapi masalah untuk menyelesaikan pinjaman, 4 orang tidak mengetahui mereka mempunyai baki pinjaman, 6 orang belum cukup tempoh bayaran pinjaman dan 9 orang peserta gagal dikesan dan satu daripadanya merupakan projek terbiar seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**.

Gambar 3.1

Projek Skim Pinjaman Ternakan Ruminan Yang Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kampung Ketapang Hilir, Pekan

Tarikh: 17 Julai 2013

Gambar 3.2



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kampung Ketapang Hilir, Pekan

Tarikh: 17 Julai 2013

3.4.2.7. Temu bual dengan responden mendapati tunggakan ini berlaku disebabkan peserta tidak memahami kandungan perjanjian dengan teliti. Sebagai contoh, apabila ternakan yang diterima mati, hilang atau dicuri semasa tempoh peliharaan, mereka mengandaikan tidak perlu membayar kembali jumlah pinjaman yang tertunggak. Selain itu, peserta juga enggan membayar tunggakan kerana berpendapat tiada tindakan undang-undang akan diambil oleh Jabatan sekiranya mereka gagal membayar pinjaman berkenaan. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 13 Disember 2013,**

terdapat peserta yang telah meninggal dunia, berpindah dan tidak dapat dihubungi. Selain itu, ia disebabkan oleh sikap peminjam yang tidak komited, tidak bertanggungjawab dan memajak kepada pihak lain untuk menjaga ternakan. Pihak Jabatan telah melantik Pegawai Pelaksana SPT untuk menjalankan kutipan bayaran balik pinjaman tapi masih gagal mengutip sepenuhnya kerana tiada kerjasama dari peminjam.

3.4.2.8. Semakan Audit selanjutnya terhadap jadual lawatan berkala berkaitan pemantauan oleh Pegawai Pelaksana ke atas peminjam mendapati, jadual tersebut disediakan oleh Jabatan pada tahun 2012 dan 2013. Bagaimanapun, jadual berkala bagi tahun 2011 tidak dikemukakan sepanjang tempoh pengauditan. Pelaksanaan rancangan lawatan oleh Pegawai Pelaksana seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Rancangan Lawatan Pegawai Pelaksana Bagi Tahun 2012 Sehingga Mei 2013

Zon	Rancang		Laksana		Peratus Pelaksanaan (%)	
	2012	2013	2012	2013	2012	2013
1	2,389	840	549	100	23.0	11.9
2	852	355	447	336	52.5	94.6
3	396	165	228	103	57.6	62.4
Jumlah	3,637	1,360	1,224	539	33.7	39.6

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang

3.4.2.9. Analisis Audit mendapati pada tahun 2012, pencapaian pelaksanaan lawatan Pegawai Pelaksana adalah 33.7% daripada perancangan asal dan sehingga Mei 2013 pula adalah 39.6%. Selain itu, analisis terhadap bayaran balik pinjaman mendapati jumlah yang dijelaskan oleh peserta pada tahun 2012 adalah sejumlah RM0.22 juta manakala sehingga Mei 2013 adalah berjumlah RM0.06 juta. Ia menunjukkan pelaksanaan lawatan tidak mempunyai impak yang ketara terhadap prestasi bayaran balik pinjaman. Selain itu, perkara ini juga disebabkan tindakan yang kurang proaktif daripada Jabatan seperti tiada surat peringatan atau amaran dikemukakan mengikut peraturan mengakibatkan peserta berdiam diri walaupun mereka berkemampuan untuk menyelesaikan pinjaman SPT. Impaknya, peminjam gagal membuat pembayaran mengikut jadual seperti yang ditetapkan mengikut perjanjian dan tunggakan pinjaman SPT semakin meningkat.

3.4.2.10. Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 13 Disember 2013, tugas Pegawai Pelaksana di setiap zon adalah menyimpan data, merancang dan melaksanakan lawatan SPT dalam zon bertugas, menyediakan laporan untuk Unit Ruminan bagi tujuan perancangan, kemas kini data dan mesyuarat, membantu dalam menyelaraskan perolehan/agihan dan pemantauan ternakan SPT yang diperuntukkan oleh negeri dan persekutuan serta bekerjasama dengan Pegawai Perkhidmatan Veterinar di daerah dalam menjalankan tugas penyelesaian SPT dan pemantauan SPT tahunan. Jabatan bercadang untuk menambah bilangan Pegawai Pelaksana di setiap daerah bagi meningkatkan lagi pemantauan SPT. Cadangan ini akan dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa SPT yang akan datang.

Manakala mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 20 Disember 2013 pula, pada tahun 2012, Jabatan telah mengambil langkah proaktif dengan menyediakan jadual lawatan berkala setelah didapati pemantauan terhadap bayaran balik pinjaman kurang memuaskan.

3.4.2.11. Surat peringatan akan dikeluarkan sekurang-kurangnya sekali setahun oleh Jabatan sekiranya peserta lewat atau tidak membuat pembayaran balik pinjaman. Manakala, surat amaran pula akan dikemukakan selepas 2 kali surat peringatan dikeluarkan. Semakan Audit selanjutnya mendapati Jabatan ada mengeluarkan surat peringatan dan surat amaran kepada peserta. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap 37 fail individu peserta mendapati, pengeluaran surat peringatan adalah tidak mengikut aturan setiap tahun. Sebagai contoh, perjanjian yang bernombor SPT 06J/02L yang ditandatangani pada tahun 2002, surat peringatan yang pertama hanya dikeluarkan pada 23 Mac 2011. Selain itu, Jabatan juga tidak menetapkan tempoh sepatutnya surat peringatan harus dikeluarkan kepada peserta. Maklumat surat peringatan dan surat amaran yang dikeluarkan kepada peserta adalah seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7
Surat Peringatan Dan Surat Amaran Yang Dikeluarkan Kepada Peserta

Bil.	Daerah	Nombor Perjanjian	Tarikh Surat Peringatan Pertama Dikeluarkan	Tarikh Surat Amaran Dikeluarkan
1.	Kuantan	SPT 06J/02L	23.03.2011	Tiada
2.		SPT 41K/10KB	Tiada	Tiada
3.		SPT 19K/07BB	30.08.2010	Tiada
4.		SPT 10P/03L(1)	30.10.2010	Tiada
5.		SPT 10P/03L(2)	30.10.2010	Tiada
6.		SPT 07P/02L	17.08.2010	Tiada
7.		SPT 21P/07KB	18.09.2012	Tiada
8.		SPT 13P/05L	01.03.2012	Tiada
9.		SPT 04P/02L	01.03.2012	Tiada
10.		SPT 04M/02L	07.12.2005	Tiada
11.		SPT 18M/02L	07.12.2005	Tiada
12.		SPT 45M/06L(1)	30.08.2010	Tiada
13.		SPT 45M/06L(2)	23.03.2011	Tiada
14.		SPT 47M/07L(1)	23.03.2011	Tiada
15.		SPT 47M/07L(2)	23.03.2011	Tiada
16.		SPT 41M/06L	18.09.2012	Tiada
17.		SPT 39M/06L	22.05.2012	Tiada
18.		SPT 63M/08KB	18.09.2012	Tiada
19.		SPT 49M/01KB	18.09.2012	Tiada
20.		SPT 50M/06KB	18.09.2012	Tiada
21.	Rompin	SPT 19RP/08KB	Tiada	Tiada
22.	Jerantut	SPT 34J/09KB	26.12.2012	Tiada
23.		SPT 15J/04L	17.08.2010	Tiada
24.	Temerloh	SPT 12T/06L	30.08.2010	Tiada
25.		SPT 22T/08KB	18.09.2012	Tiada
26.	Bera	SPT 42B/07BB	30.08.2010	Tiada
27.		SPT 25B/03KB	17.08.2010	Tiada
28.	Bentong	SPT 59BT/08KB	18.09.2012	Tiada
29.		SPT 44BT/07KB	30.08.2010	Tiada
30.		SPT 25BT/05L	17.08.2010	Tiada
31.		SPT17BT/02L	06.08.2008	Tiada

Bil.	Daerah	Nombor Perjanjian	Tarikh Surat Peringatan Pertama Dikeluarkan	Tarikh Surat Amaran Dikeluarkan
32.	Raub	SPT 50R/08KB	18.09.2012	Tiada
33.		SPT 64R/11BB	Tiada	Tiada
34.		SPT 46R/08KB	22.05.2012	Tiada
35.		SPT 23 R/05L	22.05.2012	Tiada
36.	Lipis	SPT 50L/08KB	18.09.2012	Tiada
37.		SPT 16L/05L	25.05.2012	Tiada

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang

3.4.2.12. Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 13 Disember 2013, sebelum tahun 2010, pengeluaran surat peringatan kepada peserta dikeluarkan di peringkat Daerah. Bagaimanapun, pengeluaran surat peringatan telah diselaraskan oleh ibu pejabat Jabatan mulai tahun 2011. Manakala, mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 20 Disember 2013 pula, isu bagi menetapkan tempoh surat peringatan kepada peserta yang ingkar akan diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa SPT akan datang.

Pada pendapat Audit, prestasi pembayaran balik pinjaman oleh peserta SPT adalah kurang memuaskan. Sehingga Mei 2013, jumlah tunggakan yang masih belum dikutip ialah RM4.20 juta daripada jumlah pinjaman keseluruhan disebabkan masalah kewangan peserta dan pelaksanaan pemantauan Jabatan yang masih belum cukup berkesan.

3.4.3. Pengagihan Ternakan Kepada Peserta Mengambil Tempoh Yang Lama

3.4.3.1. Proses pengagihan ternakan bermula apabila Jabatan memaklumkan kepada PPV Daerah berkenaan maklumat penghantaran seperti tarikh penghantaran, jumlah ternakan, nombor pengenalan ternakan dan lokasi penghantaran. PPV Daerah akan memaklumkan kepada peserta yang terpilih mengenai jadual penghantaran ternakan.

3.4.3.2. Semakan Audit mendapati Jabatan telah meminta pembekal lembu dan kambing menyempurnakan pembekalan ternakan sebelum 30 November 2011 untuk pembelian pada tahun 2011 dan pada tahun 2012 pula, pembekal lembu dikehendaki menyempurnakan bekalan sebelum 15 Disember 2012. Pada tahun 2011, Jabatan telah mengagihkan sebanyak 221 ekor lembu dan 56 ekor kambing kepada peserta. Manakala pada tahun 2012, sebanyak 127 ekor lembu telah diagihkan dan tiada pembelian kambing dibuat oleh Jabatan. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8
Pengagihan Ternakan Kepada Peserta
Bagi Tahun 2011 Hingga 2012

Bil.	Daerah	Bilangan Ternakan Dibekalkan		
		2011		2012
		Lembu	Kambing	Lembu
1.	Kuantan	32	18	4
2.	Rompin	5	5	13
3.	Temerloh	55	17	78
4.	Bera	14	11	12
5.	Bentong	33	-	-
6.	Raub	19	5	-
7.	Lipis	17	-	10
8.	Maran	35	-	-
9.	Pekan	11	-	10
Jumlah		221	56	127

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang

3.4.3.3. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003 di perenggan 37.2.7 melaporkan tentang tempoh pembekalan lembu oleh pembekal ke daerah dibuat dalam tempoh antara 10 hingga 79 hari iaitu berdasarkan tarikh keputusan memilih peserta oleh Jawatankuasa Skim Pinjaman Ternakan Negeri dan tarikh ternakan dibekalkan ke PPV Daerah. Tempoh itu adalah munasabah memandangkan pembekalan turut melibatkan proses pemilihan, penentuan tahap kesihatan, logistik dan sebagainya. Analisis Audit terhadap tempoh pengagihan ternakan kepada peserta pada tahun 2011 pula mendapat, pengagihan ternakan kepada peserta telah mengambil tempoh yang agak lama antara 101 hingga 193 hari daripada tarikh kelulusan (tarikh keputusan memilih peserta oleh Jawatankuasa Skim Pinjaman Ternakan Negeri) yang diterima oleh 24 peserta sehingga tarikh ternakan diagihkan kepada peserta di daerah. Manakala pada tahun 2012, antara 205 hingga 231 hari telah diambil oleh Jabatan untuk mengagihkan ternakan kepada 10 orang peserta daripada tarikh kelulusan. Ia disebabkan tiada sesuatu tempoh tertentu ditetapkan oleh Jabatan bagi setiap proses kerja sehingga pengagihan dibuat kepada peserta. Jangka masa yang lama diambil untuk mengagihkan ternakan kepada peserta ini menyebabkan perjanjian lewat disediakan dan secara tidak langsung bayaran balik pinjaman lewat diterima oleh Jabatan. Tempoh pengagihan ternakan kepada peserta pada tahun 2011 dan 2012 adalah seperti di **Jadual 3.9**.

Jadual 3.9
Tempoh Pengagihan Ternakan Kepada Peserta Pada Tahun 2011 Hingga 2012

Bil.	Daerah	Tahun	Jenis Ternakan	Tempoh Pengagihan Ternakan (Hari)
1.	Kuala Lipis	2011	Lembu	193
2.	Temerloh		Lembu	109 - 193
3.	Raub		Lembu	135 - 192
4.	Maran		Lembu	192
5.	Pekan		Lembu	192
6.	Kuantan		Lembu	191
7.	Kuala Rompin		Lembu	135 - 191
8.	Bentong		Lembu	188
9.	Bera		Lembu	109 - 135
10.	Kuantan		Kambing	101 - 132
11.	Temerloh		Lembu	227 - 231
12.	Pekan		Lembu	205
13.	Kuantan		Lembu	205
Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang				

3.4.3.4. Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 13 Disember 2013, proses perolehan ternakan mengambil masa yang lama disebabkan beberapa faktor iaitu pemilihan ternakan, saringan penyakit, keputusan ujian penyakit (paling awal 2 minggu), ulangan saringan dan penyediaan penerimaan ternakan oleh penternak. Pembekal perlu menyediakan ternakan dalam tempoh 3 bulan. Namun, terdapat faktor-faktor yang menyebabkan kelewatan seperti bekalan ternakan tidak mencukupi dan kegagalan dalam saringan penyakit ternakan.

Pada pendapat Audit, pengagihan ternakan kepada peserta adalah kurang memuaskan kerana mengambil tempoh yang lama antara 101 hingga 231 hari.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan dan mempertingkatkan keberkesanan pengurusan Skim Pinjaman Ternakan Ruminan, adalah disyorkan supaya Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

- 3.5.1.** Membuat penilaian terhadap SPT bagi mengetahui hala tuju dan pencapaian sebenar SPT setelah lebih 10 tahun ia dilaksanakan.
- 3.5.2.** Menyediakan jadual pemantauan untuk setiap daerah secara berkala dan usaha-usaha yang lebih agresif perlu dilakukan dalam mengutip tunggakan pinjaman peserta.
- 3.5.3.** Mengkaji semula prosedur pengagihan ternakan kepada peserta supaya tidak mengambil tempoh yang lama agar peserta mendapat faedah dengan segera.

YAYASAN PAHANG

4. PENGURUSAN PINJAMAN PENDIDIKAN

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Yayasan Pahang (Yayasan) telah ditubuhkan pada tahun 1982 di bawah Enakmen Negeri Pahang No. 6 Tahun 1982 dan memulakan operasi pentadbirannya pada tahun 1983. Penubuhan Yayasan ini menggalas fungsi 3 badan/jabatan yang dahulunya bertanggungjawab dalam memberi bantuan pendidikan dan menjaga kebajikan anak Pahang iaitu Lembaga Biasiswa Pelajaran Tinggi Negeri Pahang, Jemaah Biasiswa Pelajaran Tinggi Ugama Islam Negeri Pahang dan Unit Kewangan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Misi utama penubuhan Yayasan adalah untuk meningkatkan kemajuan pendidikan, sukan, kebudayaan dan memperluaskan peluang mendapat pendidikan di kalangan anak Negeri Pahang dan warganegara Malaysia yang bermastautin di negeri ini.

4.1.2. Pinjaman pendidikan diuruskan melalui Tabung Pendidikan Dan Kebajikan Yayasan Pahang (TAPEN) yang ditubuhkan pada pertengahan bulan Mac 1985 di bawah Seksyen 3 (b) dan (c) Enakmen Yayasan Pahang (Enakmen). Pengurusan pinjaman pendidikan ini dikendalikan oleh Bahagian Bantuan Pendidikan yang antaranya bertanggungjawab dalam urusan permohonan dan penawaran pinjaman. Selain itu, Bahagian Kewangan turut memainkan peranan dalam mengurus serta menyelia pembayaran pinjaman kepada peminjam. Manakala Unit Kutipan Bayaran Balik (UKBB) dipertanggungjawabkan dalam urusan kutipan bayaran balik pinjaman pendidikan. Sebanyak 4,611 permohonan telah diterima pada tahun 2011 hingga bulan Mei 2013 dan bagi tempoh tersebut hanya 3,780 pemohon yang telah berjaya menerima pinjaman pendidikan. Bagi tahun 2011 hingga 2013, Yayasan telah mengeluarkan pinjaman berjumlah RM102.39 juta kepada seramai 11,326 pelajar untuk peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan PhD.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2006 telah diambil tindakan, bantuan pinjaman pendidikan dan pembayaran balik pinjaman pendidikan diuruskan dengan cekap dan teratur serta matlamat yang ditetapkan tercapai.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan adalah tertumpu kepada pengurusan pinjaman pendidikan bagi tempoh 2011 hingga 2013 meliputi sampel sebanyak 150 fail Bantuan Pendidikan dan 150 fail Bayaran Balik. Selain itu, penentuan terhadap mekanisme pemantauan pengurusan pinjaman pendidikan secara keseluruhan juga akan diberi perhatian. Pengauditan ini

dijalankan dengan menyemak serta memeriksa rekod, fail, laporan, minit mesyuarat, jadual kerja, dokumen dan laporan yang berkaitan. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai dan kakitangan Yayasan serta analisis data juga dijalankan.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga Oktober 2013 mendapati prestasi pemberian pinjaman pendidikan adalah baik dari segi perbelanjaan peruntukan pinjaman dan pencapaian sasaran bilangan peminjam. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan pinjaman pendidikan seperti berikut:

- Sistem Pinjaman Pendidikan tidak mampu memberi amaran peminjam yang perlu diambil tindakan, menjana laporan serta tidak menyatakan jumlah kos guaman dan mahkamah yang dikenakan serta jumlah pinjaman yang mendapat pengecualian bayaran di Penyata Bayaran Balik.
- Borang permohonan tidak dicap tarikh terima dan tidak lengkap.
- Kandungan Fail Peminjam tidak diselenggara dengan lengkap, teratur dan kemas kini.
- Perjanjian ditandatangani oleh pegawai selain Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pahang dan jumlah pinjaman tambahan tidak dikemas kini dalam Dokumen Perjanjian.
- Surat Tuntutan Bayaran Balik dan Surat Peringatan lewat dikeluarkan serta Surat Pengesahan Tamat Bayaran tidak dikeluarkan.

4.4.1. Prestasi Dan Sasaran Pinjaman

Bagi mencapai aspirasi dan agenda nasional di mana sekurang-kurangnya 50% daripada kohort umur 17 – 23 tahun rakyat Malaysia mendapat pendidikan tertiar menjelang 2020, Yayasan telah mempelbagaikan program ke arah memantapkan lagi peningkatan pendidikan di Negeri Pahang. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

4.4.1.1. Prestasi Perbelanjaan Pinjaman

Yayasan telah memperuntukkan sejumlah RM99.41 juta bagi tahun 2011 hingga 2013 bagi tujuan pinjaman pendidikan daripada sumber kewangannya yang terdiri daripada konsesi balak, kutipan bayaran balik pinjaman pendidikan dan pendapatan daripada syarikat subsidiari. Analisis Audit mendapati 103% daripada peruntukan tersebut telah dibelanjakan seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Pinjaman Pendidikan
Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	Peruntukan Pinjaman (RM Juta)	Perbelanjaan Pinjaman (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
2011	28.45	30.87	108.5
2012	32.30	33.75	104.5
2013	38.66	37.77	97.7
Jumlah	99.41	102.39	103.0

Sumber: Rekod Yayasan

4.4.1.2. Sasaran Peminjam Tercapai

- a. Yayasan telah mensasarkan seramai 11,407 peminjam bagi tahun 2011 hingga 2013. Analisis Audit mendapati seramai 11,326 atau 99.3% peminjam terdiri daripada pelajar baru dan sedia ada telah diberi pinjaman pendidikan bagi tahun 2011 hingga 2013 seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Peminjam Yang Mendapat Pinjaman Pendidikan
Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	Bilangan Peminjam		Peratus Peminjam (%)
	Sasaran	Sebenar	
2011	3,367	3,426	101.8
2012	3,769	3,723	98.8
2013	4,271	4,177	97.8
Jumlah	11,407	11,326	99.3

Sumber: Rekod Yayasan

- b. Bagi tahun 2011 hingga Mei 2013, Yayasan telah menerima 4,611 permohonan pinjaman pendidikan. Analisis Audit mendapati seramai 4,138 daripada 4,367 pemohon yang layak telah hadir untuk sesi temu duga bagi tahun 2011 hingga Mei 2013. Seramai 3,780 pemohon atau 91.3% telah berjaya manakala 358 pemohon lagi gagal mendapat tawaran pinjaman pendidikan seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Bilangan Pemohon Yang Ditemu Duga Bagi Tahun 2011 Hingga Mei 2013

Butiran	Bilangan Pemohon			Jumlah
	2011	2012	2013	
Layak Temu Duga	2,235	1,746	386	4,367
Hadir Temu Duga	2,093	1,672	373	4,138
Berjaya Temu Duga (%)	1,881 (89.9%)	1,538 (92.0%)	361 (96.8%)	3,780 (91.3%)
Gagal Temu Duga	212	134	12	358

Sumber: Bahagian Bantuan Pendidikan Yayasan

Pada pendapat Audit, prestasi pemberian pinjaman pendidikan adalah memuaskan. Peruntukan yang disediakan telah dibelanjakan dengan sewajarnya bagi mencapai sasaran bilangan peminjam yang ditetapkan.

4.4.2. Sistem Pengurusan Pinjaman Pendidikan


4.4.2.1. Pada masa ini, Yayasan mengguna pakai Sistem Pinjaman Pendidikan (Sistem) yang mengandungi 2 modul utama iaitu pinjaman pendidikan dan kutipan bayaran balik pinjaman. Antara kelemahan Sistem ini yang pernah dibangkitkan dalam LKAN 2006 di perenggan 15.2.6 adalah seperti berikut:

- a. Maklumat yang dikeluarkan tidak tepat dan lengkap seperti maklumat jumlah pinjaman, bayaran balik dan tempoh pinjaman.
- b. Tiada manual yang lengkap dibekalkan oleh vendor.
- c. Tidak mampu mengeluarkan Laporan Tunggakan Pinjaman Dan Tempoh Tunggakan.
- d. Tidak dapat menyelaras kategori pembayaran yang diterima sama ada untuk pembayaran semasa atau bayaran tunggakan.

4.4.2.2. Semakan Audit terhadap Sistem tersebut mendapati kelemahan yang telah dibangkitkan masih berlaku. Pihak Audit mendapati:

- a. Sebanyak 48 Penyata Bayaran Balik yang dikeluarkan tidak menyatakan jumlah kos guaman dan mahkamah yang dikenakan kepada peminjam serta jumlah pinjaman yang mendapat pengecualian bayaran bagi peminjam yang mendapat kelulusan tukar syarat. Contoh adalah seperti di **Gambar 4.1** hingga **Gambar 4.4**.

Gambar 4.1
Surat Notis Bayaran Balik




Sumber: Yayasan

Gambar 4.2
Penyata Bayaran Balik

Penyata Bayaran Balik Pinjaman Pendidikan Yayasan Pahang			
Bulan	No Rujukan	Tarikh	No Resti
Feb-2009			Jumlah Pinjaman: \$20,830.00
Mar-2012			Jumlah bayaran diterima: \$7,750.00
Apr-2013			Baki Pinjaman: \$13,080.00
			Jumlah (RM)
Jan-2010	BR	04/01/2010	475183 \$500.00
Jan-2012	BR	18/01/2012	555842 \$50.00
Mar-2012	BR	23/03/2012	562522 \$1,000.00
Mar-2012	BR	03/05/2012	567896 \$5,000.00
Jun-2012	BR	06/06/2012	572829 \$100.00
Jul-2012	BR	23/07/2012	577364 \$100.00
Ogo-2012	BR	08/08/2012	579814 \$100.00
Ogo-2012	BR	23/08/2012	581050 \$100.00
Okta-2012	BR	04/10/2012	585364 \$100.00
Okta-2012	BR	25/10/2012	587955 \$100.00
Nov-2012	BR	29/11/2012	591446 \$100.00
Dis-2012	BR	26/12/2012	594162 \$100.00
Feb-2013	BR	07/02/2013	598804 \$100.00
Apr-2013	BR	02/04/2013	604251 \$100.00
Apr-2013	BR	29/04/2013	607060 \$100.00

Sumber: Yayasan

Gambar 4.3
Surat Kelulusan Tukar Syarat



Sumber: Yayasan

Gambar 4.4
Penyata Bayaran Balik

Penyata Bayaran Balik Pinjaman Pendidikan Yayasan PAHANG				
Nov-2007	Hingga	Jun-2013		
Jumlah Pinjaman:	\$29,362.25			
Jumlah bayaran diterima :	\$13,648.36			
Baki Pinjaman:	\$15,713.89			
Bulan	No Rujukan	Tarikh	No Rest	Jumlah (RM)
Mar-2008	BR	12/03/2008	412275	\$702.00
Okt-2008	BR	09/10/2008	433297	\$6,572.11
Okt-2011	BR	28/10/2011	546249	\$1,000.00
Nov-2011	BR	23/11/2011	548948	\$200.00
Dis-2011	BR	07/12/2011	550570	\$200.00
Dis-2011	BR	22/12/2011	552679	\$200.00
Jan-2012	BR	25/01/2012	556392	\$200.00
Feb-2012	BR	10/02/2012	558926	\$4,574.25
Jumlah bayaran diterima :				\$13,648.36

Sumber: Yayasan

- b. Sistem tidak mampu memberi amaran peminjam yang perlu diambil tindakan bagi memudahkan urusan pemantauan serta mengelakkan berlakunya tunggakan bayaran balik pinjaman.
- c. Insentif pinjaman seperti rebat, pelupusan dan tukar syarat perlu dikira secara manual kerana Sistem tidak mampu untuk menjana laporan yang berkenaan.
- d. Sistem hanya dikendalikan/ditadbir oleh seorang pegawai ICT sahaja. Pihak Audit mendapati hal ini akan memberi kesulitan kepada pihak Yayasan sekiranya timbul sebarang masalah semasa ketiadaan pegawai tersebut. Selain itu, tiada manual disediakan bagi memudahkan pengguna dan pentadbir Sistem.

4.4.2.3. Selanjutnya, Yayasan telah melantik pembekal untuk membangunkan Sistem Pengurusan Pinjaman (SISPEN) pada tahun 2008 yang berasaskan web dengan kos berjumlah RM0.18 juta namun sistem tersebut mengalami masalah. Pada tahun 2012, Yayasan telah mendapatkan nasihat daripada seorang konsultan bagi membangunkan semula sistem tersebut. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan kebolehpercayaan dan keberkesanannya kerana sistem tersebut masih tidak berfungsi sepenuhnya semasa pengauditan dijalankan.

4.4.2.4. Maklum balas daripada Yayasan bertarikh 28 Oktober 2013, menjelaskan Yayasan sentiasa memandang serius dan mengambil berat mengenai kelemahan pada Sistem. Justeru itu, tindakan penambahbaikan telah dibuat bermula Ogos 2013 terhadap Sistem yang lebih kepada *automated, intelligence* dan *self triggered* di samping membuat kajian semula pada proses sedia ada supaya lebih berkesan, cekap dan cepat.

Pada pendapat Audit, Sistem yang diguna pakai masih kurang memuaskan kerana tidak berfungsi sepenuhnya dan tidak memudahkan proses pengurusan pinjaman pendidikan.

4.4.3. Pengurusan Dokumen Permohonan, Surat Tawaran Dan Dokumen Perjanjian

Prosedur Pengagihan Pinjaman Pendidikan IPTA/IPTS menetapkan borang permohonan yang diterima akan direkod, disemak dan disenarai pendek dalam tempoh 1 minggu berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan di dalam borang permohonan. Selanjutnya, surat tawaran beserta dokumen perjanjian akan dihantar kepada calon yang berjaya dalam tempoh 7 hari dari perakuan Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pahang (LPAYP). Semakan Audit terhadap fail peminjam mendapati perkara seperti berikut:

4.4.3.1. Borang Permohonan Tidak Dicap Tarikh Terima

Mulai Julai 2011, permohonan boleh dibuat secara atas talian. Borang hendaklah dilengkapkan, dicetak dan dihantar beserta dokumen yang berkaitan ke Yayasan sebelum tarikh tutup permohonan. Permohonan hendaklah lengkap dengan dokumen seperti surat tawaran IPT, kad pengenalan serta sijil kelahiran pemohon dan ibu bapa, sijil persekolahan/Sijil/Diploma/Ijazah Sarjana Muda, slip gaji, jadual yuran pengajian dan surat kebenaran cuti belajar/mengikuti pengajian daripada Ketua Jabatan bagi pemohon yang sedang berkhidmat. Semakan Audit mendapati sebanyak 35 borang permohonan tidak dicap tarikh terima. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat memastikan penerimaan borang adalah sebelum/selepas tarikh permohonan. Pihak Audit juga mendapati perkara ini pernah dibangkitkan dalam LKAN 2006 di perenggan 15.2.5(a).

Maklum balas daripada Yayasan bertarikh 28 Oktober 2013, menjelaskan pihak Yayasan hanya mengecap tarikh penerimaan pada surat litup yang dilampirkan bersama borang permohonan pelajar yang diterima secara *bundle* terutama daripada pihak Kolej Antarabangsa IKIP dan IKIP Advanced Skills Centre.

4.4.3.2. Borang Permohonan Tidak Lengkap

Penerimaan borang permohonan dimaklumkan kepada pemohon secara atas talian. Permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat akan diproses untuk dipanggil temu duga. Semakan Audit mendapati sebanyak 110 borang permohonan tidak lengkap diisi dan dokumen sokongan seperti sijil kelahiran dan surat pengesahan mastautin tidak disertakan. **Maklum balas daripada Yayasan bertarikh 28 Oktober 2013, menjelaskan pihak Yayasan akan memastikan borang permohonan adalah lengkap sebelum diproses untuk temu duga.**

4.4.3.3. Keputusan Peperiksaan dan Cabutan Minit Mesyuarat Tidak Difailkan

Salah satu syarat perjanjian menghendaki peminjam mengemukakan keputusan peperiksaan pada setiap semester kepada Yayasan bagi memantau prestasi akademik peminjam. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menyemak dan membuat analisis terhadap pencapaian akademik peminjam kerana keputusan peperiksaan tidak difailkan dalam fail setiap peminjam. Selain itu, cabutan minit mesyuarat tidak difailkan seperti yang ditetapkan dalam prosedur. **Maklum balas daripada Yayasan bertarikh 28**

Oktober 2013, menjelaskan pada masa ini, keputusan peperiksaan dikumpulkan dalam Arch File mengikut portfolio setiap pegawai dan cabutan minit hanya direkodkan pada kertas minit setiap fail peminjam.

4.4.3.4. Perjanjian Ditandatangani Oleh Pegawai Selain Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pahang (LPAYP)

Kedua-dua ruangan tandatangan dokumen perjanjian hendaklah ditandatangan oleh LPAYP. Bagaimanapun, ruangan kedua perjanjian telah ditandatangani oleh pegawai Yayasan iaitu Penolong Pengurus di Bahagian Bantuan Pendidikan, Pentadbiran dan Pelaburan. Pihak Audit mendapati tiada surat penurunan kuasa atau keputusan LPAYP bagi membolehkan pegawai Yayasan menandatangani dokumen perjanjian. **Maklum balas daripada Yayasan bertarikh 28 Oktober 2013, menjelaskan perkara tersebut akan diangkat dalam mesyuarat LPAYP yang akan datang.**

4.4.3.5. Pinjaman Tambahan Tidak Dikemas dalam Dokumen Perjanjian

Pinjaman tambahan diberikan sekiranya berlaku kes seperti penambahan semester serta kenaikan yuran pengajian dan kos sara hidup. Bagaimanapun peminjam hendaklah membuat permohonan dan mendapat kelulusan LPAYP. Semakan Audit mendapati jumlah pinjaman tambahan tidak dikemas kini dalam Dokumen Perjanjian. Selain itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada pinjaman tambahan tersebut telah mendapat kelulusan LPAYP kerana keputusan kelulusan tidak disimpan di dalam fail peminjam. **Maklum balas daripada Yayasan bertarikh 28 Oktober 2013, menjelaskan bagi setiap penambahan pinjaman, peminjam perlu mengisi Jawapan Penerimaan Pertambahan dan seterusnya disimpan dalam fail peminjam.**

Pada pendapat Audit, pengendalian dokumen permohonan, dokumen perjanjian dan fail peminjam kurang memuaskan. Hal ini menyebabkan pengurusan pinjaman tidak dapat dilakukan secara teratur selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Selain itu, berlaku kesukaran dalam mengesan rekod sejarah peminjam.

4.4.4. Bayaran Balik Pinjaman Pendidikan

Setiap peminjam bertanggungjawab untuk membayar balik pinjaman pendidikan mengikut jadual pembayaran balik yang mengandungi beberapa fasa dan kadar yang telah ditetapkan oleh Sistem. Mengikut syarat pinjaman, peminjam dikehendaki membuat bayaran balik selepas 6 bulan dari tarikh tamat pengajian. Yayasan menyediakan pelbagai kaedah bayaran balik pinjaman untuk pelajar antaranya pembayaran di kaunter Yayasan, kiriman wang pos/cek atas nama TAPEN, potongan gaji serta perbankan internet melalui Maybank2u.com dan CIMB clicks. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

4.4.4.1. Prestasi Kutipan Bayaran Balik

Yayasan telah membelanjakan sejumlah RM72.64 juta pinjaman pendidikan bagi tahun 2011 hingga Mac 2013 manakala sejumlah RM32.21 juta pinjaman telah dilunaskan oleh peminjam. Analisis Audit mendapati prestasi kutipan bayaran balik pinjaman bagi tempoh tersebut adalah antara 31.2% hingga 49.0% berbanding pemberian keseluruhan pinjaman. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.4** dan **Carta 4.1**.


Jadual 4.4
Prestasi Bayaran Balik Pinjaman Bagi Tahun 2011 Hingga Mac 2013

Tahun	Pinjaman Yang Diberikan Oleh Yayasan (RM Juta)	Pinjaman Yang Telah Dibayar Oleh Peminjam (RM Juta)	Peratus Bayaran Balik (%)
2011	30.87	15.12	49.0
2012	33.75	14.59	43.2
2013	8.02	*2.50	31.2
Jumlah	72.64	32.21	44.3

Sumber: Rekod Yayasan

Nota: * - sehingga Mac 2013

Carta 4.1
Prestasi Bayaran Balik Pinjaman Bagi Tahun 2011 Hingga Mac 2013



Sumber: Rekod Yayasan

4.4.4.2. Surat Tuntutan Bayaran Balik (STBB) Lewat Dikeluarkan

Yayasan akan mengeluarkan STBB kepada peminjam dan kedua-dua penjamin setelah menerima senarai peminjam yang telah menamatkan pengajian. STBB ini mengandungi jumlah pinjaman, fasa, jadual dan cara pembayaran balik serta tarikh mula bayaran balik. Pihak Audit mendapati STBB telah lewat dikeluarkan antara 26 hingga 62 bulan kepada 6 peminjam yang tamat pengajian seperti di **Jadual 4.5**. Pihak Audit juga mendapati perkara ini pernah dibangkitkan dalam LKAN 2006 di perenggan 15.2.7(h)(i). **Maklum balas daripada Yayasan bertarikh 28 Oktober 2013, menjelaskan proses mengenalpasti peminjam yang telah tamat pengajian dibuat secara manual**

berikutan sistem berkomputer sedia ada tidak dapat menyediakan laporan terperinci yang berkenaan. Hal ini menyebabkan berlakunya kelewatan pengeluaran STBB.

Jadual 4.5

Peminjam Yang Lewat Menerima STBB Daripada Yayasan

Bil.	No. Rujukan Pinjaman	Pembayaran Akhir	Tarikh STBB	Kelewatan (Bulan)
1.	790411-04-XXXX/2/IKIP-UM/98	Disember 2002	11 Februari 2008	62
2.	780614-06-XXXX/IKIP-UM	Disember 2002	11 Februari 2008	62
3.	800703-06-XXXX/ITMB	November 2002	25 April 2007	54
4.	890312-06-XXXX/57/IKIP/2007	Februari 2008	28 April 2011	39
5.	910211-06-XXXX/2/U.AZHAR/2009	Mac 2010	8 Mac 2013	37
6.	820406-06-XXXX/IKIP-UTM/2000	Mac 2003	18 April 2005	26

Sumber: Unit Kutipan Bayaran Balik Yayasan

4.4.4.3. Surat Pengesahan Tamat Bayaran Tidak Dikeluarkan

Rekod peminjam yang membuat bayaran balik akan dikemas kini dalam Sistem sehinggalah tamat bayaran pinjaman. Peminjam yang telah melunaskan kesemua jumlah pinjaman akan dikeluarkan surat pengesahan tamat bayaran. Semakan Audit mendapati 6 fail peminjam yang telah tamat bayar tidak mempunyai Surat Pengesahan Tamat Bayaran. Selain itu, status bagi 17 peminjam masih belum ditukar kepada tamat bayar dalam Sistem walaupun peminjam telah melangsaikan sepenuhnya pinjaman yang diambil. **Maklum balas daripada Yayasan bertarikh 28 Oktober 2013, menjelaskan proses mengenal pasti peminjam yang telah tamat pengajian dibuat secara manual berikutan sistem berkomputer sedia ada tidak dapat menyediakan laporan terperinci yang berkenaan.**

4.4.4.4. Surat Peringatan Lewat Dikeluarkan

Surat peringatan akan dihantar kepada peminjam dan kedua-dua penjamin sekiranya peminjam gagal membuat bayaran dalam tempoh 3 bulan atau tunggakan melebihi RM1,000. Semakan Audit mendapati prosedur tuntutan bayaran balik pinjaman yang telah ditetapkan tidak dipatuhi kerana Yayasan lewat mengemukakan surat peringatan kepada 22 peminjam antara 6 hingga 89 bulan seperti di **Jadual 4.6**. Pihak Audit mendapati perkara ini pernah dibangkitkan dalam LKAN 2006 di perenggan 15.2.7(h)(ii). **Maklum balas daripada Yayasan bertarikh 28 Oktober 2013, menjelaskan proses mengenal pasti peminjam yang mempunyai tunggakan pinjaman dibuat secara manual. Hal ini berlaku berikutan sistem berkomputer sedia ada tidak dapat menyediakan laporan pengumuran yang menunjukkan jumlah tunggakan pinjaman.**

Jadual 4.6
Peminjam Yang Lewat Dikeluarkan Surat Peringatan

Bil.	No. Rujukan Pinjaman	Tempoh Tunggakan (Bulan)	Jumlah Tunggakan (RM)
1.	800406-06-XXXX/PJJ-UTM/2003	10	1,320.00
2.	A246XXXX/SAR/LN/98	89	40,123.00
3.	850225-06-XXXX/AUS_GOLF/2004	21	9,988.00
4.	871128-06-XXXX/1/APFT/2007	16	11,594.00
5.	860220-33-XXXX/MMU/2005	34	8,424.00
6.	770114-06-XXXX/4/UPM/2003	36	4,514.00
7.	650808-06-XXXX/5/IKIP-NAP/2002	22	3,000.00
8.	810212-06-XXXX/29/IKIP-UTM/2000	22	3,335.00
9.	800226-06-XXXX/14/UIA/2004	8	435.00
10.	811005-06-XXXX/UTM-YP/99	21	5,124.00
11.	A303XXXX/BPLN/97	60	9,072.00
12.	700211-06-XXXX/11/PJJ-UTM/2004	7	959.00
13.	A358XXXX/KOIP	27	1,726.00
14.	840115-06-XXXX/4/PT/2002	9	709.00
15.	870918-06-XXXX/8/U.AZHAR/2006	31	20,330.00
16.	780614-06-XXXX/IKIP-UM	30	6,938.00
17.	A303XXXX/34/J/94	43	10,793.00
18.	550403-06-XXXX/PHD/LN/99	20	14,580.00
19.	810126-06-XXXX/IKIP-UTM	11	1,628.00
20.	831127-06-XXXX/IKIP-UTM/2004	10	970.00
21.	820406-06-XXXX/IKIP-UTM/2000	13	1,794.00
22.	871222-06-XXXX/17/IKIP-JORDAN/2005	6	1,866.00

Sumber: Unit Kutipan Bayaran Balik Yayasan

4.4.4.5. Tindakan Undang-Undang

- a. Analisis Audit mendapati peminjam yang dikenakan tindakan undang-undang iaitu *Notice Of Demand* (NOD), saman dan penghakiman bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seramai 9,130 peminjam. Peminjam yang dikenakan tindakan penghakiman meningkat daripada 436 pada tahun 2011 kepada 1,146 pada tahun 2012. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7
Tindakan Undang-Undang Yang Dikenakan
Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Tindakan Undang-Undang	Bilangan Peminjam			Jumlah
	2011	2012	2013	
NOD	1,264	1,222	678	3,164
Saman	1,809	1,136	989	3,934
Penghakiman	436	1,146	450	2,032
Jumlah	3,509	3,504	2,117	9,130

Sumber: Unit Kutipan Bayaran Balik Yayasan

- b. Semakan Audit terhadap 55 fail peminjam yang dikenakan tindakan penghakiman berjumlah RM2.25 juta mendapati 33 peminjam telah aktif membayar manakala 22 peminjam masih gagal mematuhi keputusan penghakiman. Sekiranya peminjam gagal mematuhi keputusan penghakiman tersebut, Yayasan akan menggunakan perkhidmatan *Credit Tips Of Service* (CTOS) bagi menyenarai hitam peminjam yang

gagal membayar balik pinjaman. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan jumlah peminjam dan pinjaman yang telah disenaraihitamkan kerana tiada maklumat dikemukakan.

4.4.4.6. Kemudahan Dan Insentif

Yayasan memberi kemudahan/kelonggaran kepada peminjam untuk membuat penangguhan atau penjadualan semula bayaran balik pinjaman pendidikan dalam situasi yang tertentu. Selain itu, peminjam ditawarkan insentif iaitu tukar syarat, pelupusan pinjaman dan rebat. Permohonan kemudahan dan insentif ini hendaklah dikemukakan kepada Yayasan secara bertulis untuk kelulusan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Penangguhan Bayaran Balik Pinjaman

Kriteria penangguhan yang dibenarkan antaranya adalah melanjutkan pelajaran dan mengalami kecederaan atau sakit yang serius dengan mengemukakan dokumen yang berkenaan. Kelulusan penangguhan akan dimaklumkan kepada peminjam secara bertulis dalam tempoh 14 hari bekerja. Bagi tahun 2011 hingga Mei 2013, sebanyak 140 permohonan telah diluluskan.

b. Penjadualan Semula Bayaran Balik Pinjaman

Penjadualan semula fasa dan tempoh bayaran balik pinjaman diberikan sekiranya peminjam belum mendapat pekerjaan, pendapatan tidak tetap, ingin memendekkan tempoh bayaran dan mempunyai tunggakan yang banyak tetapi tidak mampu menjelaskannya sekali gus. Setelah kelulusan diberi, perkara berkaitan kadar ansuran bulanan yang baru, tempoh dan tarikh mula bayaran balik yang telah diluluskan akan dimaklumkan kepada pemohon. Bagi tahun 2011 hingga Mei 2013, sebanyak 38 permohonan telah diluluskan. Semakan Audit terhadap 4 fail peminjam yang diluluskan untuk pengurangan ansuran mendapati kadar bayaran ansuran bulanan yang baru tidak dikemas kini dalam penyata jadual bayaran balik peminjam dan masih menunjukkan amaun ansuran yang lama seperti di **Jadual 4.8**.

Jadual 4.8

**Penjadualan Semula Bayaran Balik Tidak Dikemas Kini
Dalam Penyata Jadual Bayaran Balik Peminjam**

Bil.	No. Rujukan Pinjaman	Jumlah Pinjaman (RM)	Jadual Bayaran Balik Asal		Penjadualan Semula Baki Pinjaman	
			Tempoh	Ansuran Bulanan (RM)	Tempoh	Ansuran Bulanan (RM)
1.	800226-06-XXXX/14/UIA/2004	25,000.00	43 bulan 43 bulan 42 bulan Akhir	145.00 203.00 233.00 250.00	34 bulan 48 bulan Akhir	250.00 200.00 141.50
2.	901021-06-XXXX/14/IKIP-UTM/2008	17,770.00	1 bulan	17,770.00	65 bulan Akhir	200.00 270.00
3.	870918-06-5369/8/U.AZHAR/2006	20,830.00	1 bulan	20,830.00	1 bulan 12 bulan 52 bulan Akhir	5,000 100.00 250.00 158.75
4.	861104-33-XXXX/10/UIA/2007	21,000.00	41 bulan 41 bulan 41 bulan Akhir	128.00 179.00 200.00 213.00	134 bulan Akhir	150.00 129.50

Sumber: Unit Kutipan Bayaran Balik Yayasan

c. Tukar Syarat Pinjaman

Dasar semasa Yayasan membenarkan permohonan tukar syarat berdasarkan rekod pencapaian akademik cemerlang iaitu *Cumulative Grade Point Average (CGPA)* mengikut jenis kursus (selektif dan kritikal atau tidak selektif dan tidak kritikal) dan peringkat pengajian bagi menentukan kadar pelepasan yang bersesuaian diberikan seperti di **Jadual 4.9**. Permohonan tukar syarat hendaklah dikemukakan kepada Yayasan secara bertulis dalam tempoh 2 tahun selepas tamat pengajian. Seramai 356 peminjam dengan pelepasan pinjaman berjumlah RM3.62 juta telah diluluskan tukar syarat bagi tahun 2011 hingga Mac 2013. Semakan Audit mendapati semua permohonan telah diluluskan mengikut dasar yang ditetapkan.

Jadual 4.9

Kadar Tukar Syarat Pinjaman Mengikut CGPA

Kadar	Selektif Dan Kritikal		Tidak Selektif Dan Tidak Kritikal	
	Peringkat Pengajian			
	Sarjana	Sarjana Muda, Diploma Dan Sijil	Sarjana	Sarjana Muda, Diploma Dan Sijil
CGPA				
25%	3.10-3.40	3.20-3.40	3.30-3.60	3.40-3.54
50%		3.41-3.60	3.61-3.80	3.55-3.70
75%		3.61-3.80	3.81-3.90	3.71-3.90
100%		3.81-4.00		3.91-4.00

Sumber: Rekod Yayasan

d. Rebат

Skim rebat bertujuan untuk memberi insentif atau galakan kepada peminjam yang dapat menjelaskan bayaran pinjaman secara sekali gus atau dalam jangka masa yang pendek. Pelepasan/rebat diberi berdasarkan kemampuan peminjam membayar balik pinjaman seperti di **Jadual 4.10**. Pihak Audit tidak dapat menentukan jumlah pinjaman yang telah diberikan pelepasan di bawah skim rebat bagi tahun 2011 hingga Mei 2013 kerana tiada maklumat mengenainya dikemukakan.

Jadual 4.10
Kadar Pelepasan/Rebat Yang Diberikan Kepada Peminjam

Bil.	Kadar Rebат	Perihal
1.	5%	Diberikan kepada peminjam yang memendekkan tempoh bayaran balik pinjaman sehingga 75% daripada tempoh yang ditetapkan.
2.	10%	Diberikan kepada peminjam yang memendekkan tempoh bayaran balik pinjaman sehingga 50% daripada tempoh yang ditetapkan.
3.	15%	Diberikan kepada peminjam yang memendekkan tempoh bayaran balik pinjaman sehingga 25% daripada tempoh yang ditetapkan.
4.	20%	Diberikan kepada peminjam yang membayar sekali gus keseluruhan jumlah pinjaman.

Sumber: Rekod Yayasan

Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran balik pinjaman pendidikan kurang memuaskan kerana tindakan tegas secara berkala tidak diambil terhadap peminjam. Hal ini menyebabkan berlakunya kelewatan penyediaan STBB dan Surat Peringatan serta Surat Pengesahan Tamat Bayar tidak dikeluarkan.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan pengurusan pinjaman pendidikan, Yayasan Pahang disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

4.5.1. Memastikan sistem komputer berupaya menjana maklumat yang diperlukan oleh pihak pengurusan adalah boleh dipercayai, tepat dan terkini.

4.5.2. Memastikan kesemua dokumen pinjaman pendidikan diselenggara dengan lengkap, kemas kini dan teratur bagi memudahkan proses semakan dan pemantauan.

4.5.3. Meningkatkan pemantauan terhadap bayaran balik pinjaman di setiap peringkat dan mengambil tindakan tegas terhadap peminjam yang gagal melunaskan pinjaman.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di aktiviti/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya
27 Januari 2014



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
www.audit.gov.my